

"DARIPADA Jabir bin Abdullah, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda sesiapa yang membina masjid kerana Allah sekalipun hanya seperti sarang burung atau lebah kecil, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga".
- Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.59 SUBUH 5.09 SYURUK 6.32 DUHA 6.56 ZUHUR 12.28 ASAR 3.50 MAGHRIB 6.23 ISYAK 7.37 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 5 | 10 JANUARI 2024 / جمادي الآخر 28 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU PERCUMA



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei i pelitabrunei t pelitabrunei

Berita Utama



TINJAU prasarana, kemudahan
sekolah ugama

Muka 8

MAJLIS ISTIADAT MEMBUKA GENDANG JAGA-JAGA SEMPURNA DILAKSANAKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sebagai wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga.
- Foto : Masri Osman (Lihat muka 2 hingga 4).

Istiadat Menghantar, Menerima Tanda, Pertunangan Diraja disempurnakan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 5 hingga 7).



LEBIH 150 buah lukisan
dipamerkan

Muka 9



NHANSS-3 : Kenal pasti kadar
penyakit tidak berjangkit

Muka 11

Lantikan, penetapan jawatan pegawai kanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Timbalan Setiausaha Tetap (Wawasan) di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Dayang Hajah Huraeni binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Huraiah, selaku Pemangku Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Jabatan Majlis-Majlis

Mesyuarat, untuk ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya menjadi Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat.

Tarikh penetapan jawatan pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Selasa, 27 Jamadilakhir 1445 bersamaan 9 Januari, 2024.



RENCANA

PERSIAPAN Majlis Istiadat
Perkahwinan Diraja yang
gemilang

Muka 20

Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-jaga sempurna dilaksanakan



Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Daudin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Hasif Haji Mat Zain

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Januari. - Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-jaga bagi Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

dengan Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam, berlangsung pagi tadi di Lapau, Bandar Seri Begawan, di sini.

Majlis yang penuh adat istiadat tersebut disempurnakan di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sebagai wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sebagai wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-jaga. Berangkat sama ialah adinda Duli Yang Teramat Mulia (atas dan atas kiri).

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berserta kerabat diraja didahului oleh Perwira Diraja, yang membawa Pemuras dan Karga serta Perwira Asgar yang membawa Kelasak dan Kampilan

dan diiringi oleh Pembawa-pembawa Alat-alat Perhiasan Empat Duli Yang Teramat Mulia-Duli Yang Teramat Mulia.

>> Muka 3



WAKTU SEMBAHYANG

Januari	MASIHI	HARI	Jamadilakhir	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10	RABU	28			4.59	5.09	6.32	6.56	12.28	3.50	6.23	7.37
11	KHAMIS	29			4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.51	6.23	7.38
12	JUMAAT	30			5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24	7.38
13	SABTU	1	Rejab		5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.51	6.24	7.38
14	AHAD	2			5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
15	ISNIN	3			5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
16	SELASA	4			5.01	5.11	6.34	6.57	12.31	3.53	6.26	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



RABU		KHAMIS		JUMAAT	
Bandar Seri Begawan					
33 25 °C		33 25 °C		32 25 °C	
Pekan Bangar					
33 25 °C		33 25 °C		32 25 °C	
Pekan Tutong					
33 25 °C		33 25 °C		32 25 °C	
Kuala Belait					
33 25 °C		33 25 °C		32 25 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

10 JANUARI 2024

Warisan, adat, budaya lambang identiti bangsa

SETIAP individu mempunyai identiti sendiri yang membezakan dirinya daripada individu-individu lain dalam masyarakatnya. Seorang itu dapat membina imej atau identiti diri dengan pelbagai cara berasaskan kemampuan atau warisan budaya masing-masing. Pengenalan diri yang berasaskan identiti atau budaya boleh diteliti kepada pakaian, gaya perlakuan, suaranya, cara berjalan dan pelbagai perkara.

Tamadun sesuatu bangsa selalunya dapat dilihat pada warisan seni budayanya. Warisan budaya ini harus dikekalkan kerana mempunyai identiti tersendiri. Budaya tradisional mencakupi amalan dan cara hidup pelbagai kaum di negara kita. Hal ini termasuklah pakaian, makanan, adat resam, seni, dan sebagainya. Tetapi kini, warisan budaya tradisional berdepan cabaran berikutan ditelan arus kemodenan.

Budaya melambangkan identiti sesebuah negara. Amalan budaya tradisional kita melambangkan sifat majmuk masyarakat kita. Misalnya, keuikan pakaian tradisional, pelbagai kaum yang pelbagai bentuk potongan dan cara pemakaian serta berwarna-warni.

Budaya tradisional kita juga menunjukkan budi pekerti, keluhuran dan keunikan masyarakat Negara Brunei Darussalam (NBD), justeru, Adat Istiadat Kebruneian yang dimiliki dan diamalkan sekarang ini adalah sebahagian peninggalan daripada nenek moyang kita yang sememangnya menjadi satu khazanah dan pusaka bangsa Brunei.

Adat Istiadat Kebruneian sememangnya sudah sebatu dengan jati diri dan corak kehidupan masyarakat di bumi Darussalam yang bertuah ini. Dalam erti kata lain, kewujudannya yang sudah berlangsung sekian lama memberikan satu legasi kepada masyarakat di negara ini sebagai pewaris khazanah bangsa yang unggul.

Kewujudan dan kehidupan Adat Istiadat Kebruneian merangkumi adab sopan, akhlak yang murni, seni yang tinggi, falsafah yang mengandungi makna dan pengajaran yang tersendiri, selain aturan-aturan dan tatacara pergaulan.

Selaku rakyat dan penduduk di negara ini, kita setentunya hendaklah bersama-sama memainkan peranan penting bagi menjaga, memelihara dan mempertahankan sebaik mungkin agar dapat dijadikan cerucuk pembinaan bangsa negara ini.

Warisan adat dan budaya bangsa Brunei yang terdiri daripada tujuh puak merupakan khazanah yang sangat berharga yang mencerminkan identiti bangsa NBD yang mempunyai nilai peradaban yang tinggi. Sehubungan itu, kita perlu mengekalkan adat budaya yang diwarisi itu untuk dikenali oleh masyarakat dunia sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat dan menjadikan kita sebagai bangsa yang dihormati dan disegani.

Pepatah Melayu pernah menyatakan bahawa 'Usul menunjukkan asal' berperanan menggambarkan keperibadian dan budi pekerti orang-orang Brunei, di mana budaya bukan sahaja dilihat dari aspek ekspresif tetapi juga sebagai budaya simbolik yang melaluinya dapat difahami jiwa nurani bangsa Brunei yang berpegang teguh kepada konsep Melayu Islam Beraja dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Keunikan budaya dan adat di negara ini dapat dilihat dengan lebih dekat lagi khususnya pada musim Istiadat Perkahwinan Diraja yang berlangsung pada ketika ini sehingga 16 Januari ini.

Oleh itu, keseimbangan tamadun dan identiti bangsa kita perlu dipertahankan sekali gus mengekalkan budaya yang diwarisi melalui pendedahan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat umum agar ia tidak pupus dan terhakis oleh pengaruh budaya popular yang semakin meresap di era globalisasi. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**



KETUA Juru Laki Haji Johan Areffen mengusung Nakara di atas kepalanya dan berjalan membelah majlis menuju ke tempat yang dikhaskan untuk meletakkan Nakara di atas kedudukannya di tengah-tengah di antara dua Gendang Labik (atas). Manakala gambar bawah kanan, Dian, Tikar dan Bintang Petian yang diangkati ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

<< Muka 2

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ke majlis istiadat tersebut dijunjung dan diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Dato Paduka Awang Razali dan Awang Haji Abdul Manaf.

Berangkat sama ke majlis tersebut, paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kemudian bersemayam di tempat yang ditentukan berserta kerabat diraja.

Setelah diangkati Dian, Tikar dan Bintang Petian, Ketua Juru Laki Haji Johan Areffen dan Pegandang-pegandang membawa masuk alat-alat seperti Serunai dan Gendang Labik.

Majlis bermula dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan menjunjung

anugerah untuk menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bahawa Istiadat Membuka Gendang Jaga-jaga telah siap sedia.

Yang Amat Mulia kemudian menyembahkan ke hadapan majlis DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota yang kemudian menyabdakan supaya istiadat dimulakan.

Setelah menjunjung anugerah, Ketua Juru Laki Haji Johan Areffen berjalan menuju Patarana dan kemudiannya duduk dengan hormatnya serta terus mengangkat sembah ke hadapan majlis DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota.

Kemudian Ketua Juru Laki Haji Johan Areffen pun beringsut menaiki pipak tangga Patarana satu demi satu dan terus mengambil Nakara dengan mengangkat serta mengusung di atas kepalanya lalu berjalan membelah majlis menuju ke tempat yang dikhaskan untuk meletakkan Nakara di tengah-tengah antara dua Gendang Labik.

Ketua Juru Laki Haji Johan Areffen menitir Nakara, diikuti oleh gualan Gendang Labik, tiupan

Serunai, Gong dan Chanang dengan diiringi oleh tembakan meriam. Tiap-tiap Titir diikuti dengan tembakan meriam hingga 21 das.

Selepas itu, diikuti dengan Titir Gendang Alih-alihan Tengah dan Gendang Alih-alihan Hujung, diikuti oleh Titir Gendang Perang yang lazim jumlah titirnya adalah mengikut jumlah orang-orang yang hadir (yang berhak digendangkan).

Gendang Perang dititir bagi putera-putera sultan, Pengiran-pengiran Cheteria dan Pengiran-pengiran Peranakan, titirnya dengan bernakara, iaitu sebanyak 10 kali titir manakala bagi Pehin-pehin Manteri Berchiri tidak bernakara, dianggarkan 10 kali titir tetapi tidak bernakara.

Sebaik sahaja selesai Titir Gendang Perang, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Ketua Juru Laki Haji Johan Areffen kemudian menjunjung

anugerah dan terus mengusung Nakara dan berjalan membelah majlis menuju ke Patarana serta apabila sampai ke tangga Patarana, beliau naik beringsut menaiki pipak tangga Patarana

satu demi satu, seterusnya meletakkan Nakara yang diusungnya untuk diletakkan ke tempat asalnya.

>> Muka 4



KETUA Juru Laki Haji Johan Areffen menitir Nakara, diikuti oleh gualan Gendang Labik, tiupan Serunai, gualan Gong dan Chanang (kanan). Manakala gambar atas, antara yang hadir memeriahkan majlis tersebut.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan adinda DYT Menaadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (atas), manakala gambar kanan, DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan DYT M Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berangkat meninggalkan majlis.

>> Muka 3

Sebaik sahaja Ketua Juru Laki Haji Johan Areffen keluar majlis, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan menjunjung anugeraha untuk menyembahkan kepada YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris, bahawa Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-jaga telah sempurna dilaksanakan.

YAM kemudian menyembahkan

ke hadapan majlis DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, bahawa Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-jaga telah sempurna dilaksanakan.

DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota seterusnya bersabda kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan supaya mengadap ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai sempurna Majlis Istiadat



Membuka Gendang Jaga-jaga.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan kemudiannya menjunjung sabda DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota.

DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berserta kerabat diraja yang lain kemudiannya berangkat meninggalkan majlis.

Majlis juga dihadiri oleh YAM Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pedalaman, Duta-duta, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Ahli-ahli Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan serta para

jemputan.

Seterusnya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan bersama rombongan yang ditentukan akan mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-jaga telah sempurna dilaksanakan.

Sementara itu, Alat-alat Perhiasan Diraja mula dipasang di Balai-balai Pemajangan, Istana Nurul Iman sebaik sahaja Nakara dititir dalam Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-jaga, di Lapau.

Pemajangan ini adalah salah satu Perhiasan Diraja, yang terdiri daripada Tunggul Charok; Sandaran; Ula-ula Besar dan Sumbu Layang; Payong Haram; Payong Ubor-ubor Tiga Ringkat; Chogan Ugama; Chogan Diraja; Mahligai; Payong Tinggi; Alam Bernaga (Alam Besar); Pisang-pisang; Tunggul Buritan (Bendera Bercabang); Payong Obor-obor, Ambal, Tunggul Kawan dan Dadap; Rawai Lidah dan Sapu-sapu Ayeng.

ANTARA yang berangkat dan hadir menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar (kiri dan bawah).



ALAT-alat Perhiasan Diraja mula dipasang di Balai-balai Pemajangan, Istana Nurul Iman (kiri sekali dan bawah kiri). Manakala gambar bawah kanan, tembakan meriam hingga 21 das dilepaskan.



ISTIADAT MENGHANTAR, MENERIMA TANDA, PERTUNANGAN DIRAJA DISEMPURNAKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat ke Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja di Balai Persantapan, Istana Nurul Iman (atas dan atas kanan).

Oleh : Khartini Hamir, Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Md. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Mohammad Nor Azyln Ibrahim, Hanif A. Halit, Hasif Haji Mat Zain, Abdul Kadir Md. Tahir, Muhammad Khalid Doughty, Pg. Haji Mohd. Fawzy Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Januari. - Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja bersempena dengan Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam sempurna dilaksanakan dengan penuh adat istiadat di Balai Persantapan, Istana Nurul Iman, hari ini.

Berangkat pada istiadat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku wakil Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Semasa istiadat tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar menyabdakan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof untuk mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik bahawa Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja telah

siap sedia untuk dimulakan.

Sejurus menjunjung sabda perkenan Duli Yang Teramat Mulia, rombongan yang dikepalai Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj dan rombongan berangkat ke Baitur Rahmah untuk Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja dengan didahului oleh 40 Sinipit yang dibawa oleh Awang-awang, diikuti oleh Tanda Diraja yang dituntun oleh Pengarah Awang Murni dan diiringi oleh seorang muda-muda dan Pengiran Empat, diikuti oleh Awang-awang yang membawa Gangsa-gangsa Bawa-bawaan yang berisi sepangadak pakaian, sepasang gelang, sepasang subang dan sepasang cincin dua belah jari.

Manakala Pertunangan Diraja terdiri daripada seorang kanak-kanak perempuan yang berpakaian baju kurung memakai gelang Pengaluan, bergelang Geronchong, memakai Kanching, Puntu Azimat, memakai Jamang di kepalanya dan berpanding dituntun oleh Pengarah Awang Halidin dan diiringi oleh seorang kanak-kanak lelaki pemutus Tali Jintong yang berpakaian lengkap yang dituntun oleh Pengarah Awang Haji Mohamad Fadzirol Azrisah dengan diiringi oleh seorang muda-muda, seorang Pengiran perempuan berbaju Gadong dan seorang Dayang-Dayang yang membawa Kaskol Languai.

Kemudian diikuti oleh Awang-awang yang membawa Gangsa yang berisi Surat Mahar atau Berian dan Gangsa-gangsa Ganti-gantian yang berisi sepangadak pakaian, sepasang gelang, sepasang subang, sepasang cincin dua belah jari, Ceramai, Kelakati dan Pisau, Dian 16 yang dibawa oleh 16 Awang-awang serta 40 Janar yang disesandingkan di bahu 40 orang Awang-awang dengan didahului

40 Sinipit yang dibawa oleh Awang-awang berjalan di hadapan rombongan diikuti oleh Juru Bini Dayang Hajah Rokiah manakala Alat Kebesaran Diraja yang terdiri daripada 16 Pedang dan Perisai, 16 Tumbak Bendarangan dan 8 Kabok dan Panastan yang dibawa oleh Awang-awang akan berjalan di belakang rombongan (selepas 40 Janar yang disesandingkan di bahu 40 orang Awang-awang).

Majlis kemudian diteruskan dengan Istiadat Menerima Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja bagi DYT M Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam yang sempurna dilaksanakan dengan penuh adat istiadat di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

Rombongan Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja dikepalai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

>> Muka 6



SEKITAR Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja yang dilaksanakan dengan penuh adat istiadat (atas, kanan, bawah tengah dan bawah kanan). Sementara gambar bawah kiri, tembakan meriam sebanyak 17 das dilepaskan.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

>> Muka 5

Sebaik sahaja rombongan Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja tiba di kawasan berdekatan dengan pintu Baitur Rahmah, Tanda Diraja yang dituntun oleh Pengarah Awang Murni yang diiringi oleh seorang muda-muda diserahkan kepada Pengarah Awang Nor' Ariffin yang diiringi oleh seorang muda-muda.

Manakala Pertunangan Diraja dituntun oleh Pengarah Awang Halidin dan seorang kanak-kanak lelaki pemutus Tali Jintong yang dituntun oleh Pengarah Awang Haji Mohamad Fadzirol Azisah, diiringi oleh seorang muda-muda diserahkan kepada Pengarah Awang Mohammad Zul-Azfar dan Pengarah Awang Mohamed Hazreen yang diiringi oleh seorang muda-muda.

Sejurus itu diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 17 das sebagai menandakan Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja telah diterima.

Sementara 40 Janar yang disesandingkan di bahu 40 Awang-awang dikutip berdekatan dengan Baitur Rahmah dan disimpan ke dalam dua gangsa yang akan dibawa oleh dua Awang-awang dan seterusnya mengambil tempat di hadapan Gangsa-gangsa Ganti-gantian.

Juru Bini Dayang Hajah Rokiah dan Awang-awang yang

membawa alat-alat kebesaran diraja, iaitu terdiri daripada 40 Sinipit, 16 Pedang dan Perisai, 16 Tumbak Bendarangan dan lapan Kabok dan Panastan serta 40 Awang-awang yang membawa Janar beratur dan bersedia menunggu di luar Baitur Rahmah.

Manakala Pengiran Empat, Pengiran perempuan berbaju Gadong dan Dayang-dayang yang membawa Kaskol Langguai daripada pihak Pengantin Diraja lelaki bersedia di tempat yang ditentukan di Balai Singgahsana Indera Kenchana.

YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim kemudiannya dijunjung masuk ke dalam majlis diiringi oleh pembesar-pembesar negara yang dititahkan.

Kemudian diikuti dengan Tanda Diraja terdiri daripada seorang kanak-kanak perempuan yang berpakaian bergelang Pengaluan, bergelang Geronchong, memakai Subang dan berbunga Serondoh yang dituntun oleh Pengarah Awang Nor' Ariffin dan diiringi oleh seorang muda-muda serta Awang-awang yang membawa Gangsa-gangsa Bawa-bawaan yang berisi sepangadak pakaian, sepasang gelang, sepasang subang juga cincin dua belah jari.

Seterusnya, Pertunangan Diraja terdiri daripada seorang kanak-kanak perempuan yang

berpakaian baju kurung, memakai gelang Pengaluan, bergelang Geronchong, memakai Kanching, Puntu Azimat, memakai Jamang di kepalanya dan berpandang yang dituntun oleh Pengarah Awang Mohammad Zul-Azfar dan diiringi oleh seorang kanak-kanak lelaki Pemutus Tali Jintong, berpakaian lengkap yang dituntun oleh Pengarah Awang Mohamed Hazreen dengan diiringi oleh seorang muda-muda.

Diikuti oleh Awang-awang yang membawa gangsa yang berisi 40 Janar dan Gangsa-gangsa Ganti-gantian yang terdiri daripada sepangadak pakaian, sepasang gelang, sepasang subang, sepasang cincin dua belah jari, Ceramai, Kelakati dan pisau serta Dian 16 yang dibawa oleh 16 Awang-awang masuk ke dalam majlis dan duduk di tengah-tengah majlis.

Majlis Istiadat Menerima Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja bermula dengan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jaafar menjunjung anugerah untuk menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bahawa Majlis Istiadat Menerima Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja telah siap sedia.

YAM Pengiran Sanggamara

Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit sebagai wakil pihak Pengantin Diraja Perempuan kemudian menyabdakan supaya istiadat dimulakan.

Dalam pada itu, YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bersabda mengenai kedatangan hajat rombongan menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang disabdakan oleh DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik bagi menyusul Majlis Istiadat Bersuruh yang telah berlangsung pada dua hari yang lalu.

Justeru sabdanya lagi, YAM berserta rombongan dititahkan untuk membawa hantaran Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja daripada paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen untuk disampaikan kepada anak Awang Adam bin Abdullah iaitu Dayang Anisha Rosnah.

YAM Pengiran Sanggamara Diraja kemudiannya bersabda menjunjung kasih dan menerima Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja dan seterusnya mendoakan pasangan Pengantin Diraja agar sentiasa di dalam pemeliharaan

Allah Subhanahu Wata'ala, hidup bahagia dan rukun damai, dengan mendapat reda Allah serta mendoakan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja akan sentiasa mendapat rahmat dan berkat yang berkekalan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, sihat walafiat, kekal karar memerintah NBD.

YAM Pengiran Sanggamara Diraja kemudiannya menyabdakan kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jaafar untuk membawa Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja ke Balai Singgahsana Indera Kenchana.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jaafar menjunjung sabda YAM Pengiran Sanggamara Diraja dan menjunjung anugerah keluar dari majlis menuju ke Balai Singgahsana Indera Kenchana bersama-sama dengan Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja.

Sementara itu, Juru Bini Dayang Hajah Rokiah yang bersedia menunggu di luar pintu Baitur Rahmah mengiringi Rombongan Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja menuju ke Balai Singgahsana Indera Kenchana.


Di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Pengiran Empat daripada pihak Pengantin Diraja Perempuan sedia mengambil tempat duduk di tempat yang ditentukan.

Manakala Pengiran perempuan berbaju Gadong dan Dayang-dayang yang membawa Kaskol Langguai daripada pihak Pengantin Diraja Perempuan serta Dayang-dayang yang membawa Gangsa-gangsa tempat menyalin Bawa-bawaan dan Ganti-gantian dan Dian 16 yang dibawa oleh 16 Dayang-dayang bersedia di tempat yang ditentukan di Balai Singgahsana Indera Kenchana.

>> Muka 7



YANG Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bersabda mengenai kedatangan hajat rombongan menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja.



ANTARA yang berangkat dan hadir menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (kiri). Manakala gambar atas, di Balai Persantapan, Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim. Sementara gambar kanan, di Baitur Rahmah, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa.



>> Muka 6

Rombongan Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja tiba di Balai Singgahsana Indera Kenchana dan dialu-alukan oleh Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Dayang Hajah Siti.

Tanda Diraja serta Gangsa-gangsa Bawa-bawaan diletakkan di tengah-tengah majlis.

Selepas itu, Pengiran Empat yang mengiringi Tanda Diraja berkenaan akan mengambil tempat yang telah ditentukan dan Dayang-dayang yang membawa Gangsa-gangsa tempat menyalin Bawa-bawaan yang telah bersedia di tempat yang ditentukan di Balai Singgahsana Indera Kenchana kemudian masuk ke dalam majlis dan duduk di sebelah Gangsa-gangsa Bawa-bawaan.

Sejurus itu, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Dayang Hajah Siti memaklumkan kepada Kepala Majlis untuk membuka Gangsa-gangsa Bawa-bawaan dan setelah diambil maklum, Pengiran Empat daripada kedua-dua pihak duduk menghampiri Gangsa-gangsa Bawa-bawaan.

Pengiran Empat daripada pihak Pengantin Diraja Lelaki membuka alas Gangsa-gangsa Bawa-bawaan, seterusnya mengeluarkannya lalu diserahkan kepada Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Dayang Hajah Siti untuk disaksikan kepada Kepala Majlis, Pengiran Empat daripada pihak Pengantin Diraja Perempuan serta kepada yang hadir.

Setelah Bawa-bawaan disaksikan kepada yang hadir, maka Bawa-bawaan berkenaan disalin oleh Dayang-dayang ke dalam Gangsa-gangsa tempat menyalin Bawa-bawaan.

Setelah semuanya siap disalin ke dalam gangsa, maka Pengiran Empat daripada kedua-dua pihak balik semula ke tempat duduk masing-masing.

Kemudiannya Pengarah Awang Nor' Ariffin masuk semula ke dalam majlis diikuti oleh seorang muda-muda untuk mengambil Tanda Diraja dan kemudian keluar daripada majlis dengan diikuti oleh Dayang-dayang yang membawa Gangsa-gangsa yang berisi Bawa-bawaan diiringi oleh Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Dayang Hajah Siti dan menunggu di luar Balai Singgahsana Indera Kenchana.

Selepas itu, Awang-awang masuk semula mengambil Gangsa-gangsa yang telah disalin dan seterusnya keluar daripada majlis.

Sementara itu, Pengiran perempuan berbaju Gadong dan Dayang-dayang membawa Kaskol Langguai daripada pihak Pengantin Diraja Perempuan masuk ke dalam majlis dan duduk di tempat yang ditentukan iaitu selepas Pengiran Empat.

Ini diikuti dengan Pertunangan Diraja yang didudukkan dan Gangsa-gangsa Ganti-gantian diletakkan di tengah-tengah majlis.

Setelah Pertunangan Diraja dan seorang kanak-kanak lelaki pemutus Tali Jintong didudukkan dan gangsa yang berisi Surat Mahar atau Berian, dua gangsa yang berisi 40 Janar dan Gangsa-gangsa Ganti-gantian yang berisi sepangadak pakaian, sepasang gelang, sepasang subang, sepasang cincin dua belah jari, Ceramai, Kelakati dan pisau diletakkan di tengah-tengah majlis, Pengarah Awang Mohammad Zul-Azfar, Pengarah Awang Mohamed Hazreen, seorang muda-muda dan Awang-awang yang membawa Gangsa-gangsa Ganti-gantian keluar daripada majlis.

Dayang-dayang yang membawa Gangsa-gangsa tempat menyalin Ganti-gantian yang telah bersedia di tempat yang ditentukan di Balai Singgahsana Indera Kenchana masuk ke dalam majlis dan duduk di sebelah Gangsa-gangsa Ganti-gantian.

Apabila Dayang-dayang yang membawa Gangsa-gangsa tempat menyalin Ganti-gantian telah duduk, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Dayang Hajah Siti memaklumkan kepada Kepala Majlis untuk membuka Gangsa-gangsa Ganti-gantian.

Setelah diambil maklum, Pengiran Empat daripada kedua-dua pihak duduk menghampiri Gangsa-gangsa Ganti-gantian.

Pengiran Empat daripada pihak Pengantin Diraja Lelaki membuka alas Gangsa-gangsa Ganti-gantian seterusnya mengeluarkannya lalu diserahkan kepada Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Dayang Hajah Siti untuk disaksikan kepada Kepala Majlis, Pengiran Empat daripada pihak Pengantin Diraja Perempuan serta kepada yang hadir.

Setelah Ganti-gantian disaksikan kepada yang hadir, maka Ganti-gantian berkenaan disalin oleh Dayang-dayang ke dalam Gangsa-gangsa tempat menyalin Ganti-gantian.

Setelah semuanya siap disalin ke dalam gangsa, maka Pengiran Empat daripada kedua-dua pihak balik semula ke tempat duduk masing-masing dan Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Dayang Hajah Siti.

Siti kemudian memaklumkan kepada Kepala Majlis untuk membawa Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja ke Bilik Khas tempat keluarga Pengantin Diraja Perempuan.

Pengarah Awang Mohammad Zul-Azfar dan Pengarah Awang Mohamed Hazreen kemudian masuk semula ke dalam majlis untuk mengambil Pertunangan Diraja dan seorang kanak-kanak lelaki pemutus Tali Jintong diikuti oleh seorang muda-muda dan kemudian keluar daripada majlis dengan diikuti oleh Pengiran Empat, Pengiran perempuan berbaju Gadong dan Dayang-dayang yang membawa Kaskol Langguai daripada pihak Pengantin Diraja Perempuan serta Dayang-dayang yang membawa Gangsa-gangsa yang berisi Ganti-gantian dengan diiringi oleh Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Dayang Hajah Siti.

Sebaik sahaja rombongan membawa Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja berada di luar Balai Singgahsana Indera Kenchana, Dian 16 yang dibawa oleh 16 Dayang-dayang yang sedia menunggu di luar Balai Singgahsana Indera Kenchana ikut mengiringi rombongan.

Manakala Juru Bini Dayang Hajah Rokiah berjalan di hadapan rombongan dengan diiringi oleh Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Dayang Hajah Siti.

Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Dayang Hajah Siti.

YANG Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris menyembahkan ke hadapan majlis DYT M Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik bahawa Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja selamat sempurna dilaksanakan.

Siti menyerahkan Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja serta Gangsa-gangsa Bawa-bawaan dan Gangsa-gangsa Ganti-gantian kepada pihak Pengantin Diraja Perempuan.

Sementara itu, Awang-awang masuk semula mengambil Gangsa-gangsa yang telah disalin dan seterusnya keluar daripada majlis diikuti oleh Pengiran Empat, Pengiran Perempuan Berbaju Gadong dan Dayang-dayang yang membawa Kaskol Langguai daripada pihak Pengantin Diraja Lelaki.

Sebaik sahaja Awang-awang yang membawa Gangsa-gangsa yang telah disalin tadi keluar daripada majlis di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jaafar bergerak balik menuju ke Baitur Rahmah diikuti oleh Pengiran Empat, Pengiran perempuan berbaju Gadong dan Dayang-dayang yang membawa Kaskol Langguai daripada pihak Pengantin Diraja Lelaki, Awang-awang yang membawa Gangsa-gangsa yang telah disalin dan Dian 16 yang dibawa oleh Awang-awang.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jaafar masuk semula ke Baitur Rahmah, bersama-sama Awang-awang yang membawa Gangsa-gangsa yang telah disalin diikuti oleh Dian 16 yang dibawa oleh Awang-awang dan duduk di tengah-tengah majlis.

Manakala Pengiran Empat, Pengiran perempuan berbaju Gadong dan Dayang-dayang yang membawa Kaskol Langguai daripada pihak Pengantin Diraja Lelaki menunggu di luar Baitur Rahmah.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jaafar mengadap dan seterusnya menyembahkan kepada YAM Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji

Ibnu Basit bahawa Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja telah diserahkan kepada keluarga Pengantin Diraja Perempuan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa.

Sebelum rombongan berangkat balik ke Balai Persantapan, YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bersabda menjunjung anugerah dan berangkat meninggalkan majlis diikuti oleh pembesar-pembesar negara yang dititahkan.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan menyembahkan kepada YAM Pengiran Sanggamara Diraja bahawa Majlis Istiadat Menerima Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja telah sempurna dilaksanakan.

YAM Pengiran Sanggamara Diraja seterusnya menyabdakan supaya majlis ditutup.

Setelah Istiadat Menerima Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja sempurna dilangsungkan di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman, rombongan kembali ke Balai Persantapan, Istana Nurul Iman untuk menyembahkan ke hadapan majlis DYT M Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik bahawa Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja selamat sempurna dilaksanakan.

Sejurus itu, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Berangkat dan hadir pada istiadat tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pedalaman, Duta-duta, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan bersama isteri masing-masing serta para jemputan lainnya.



TANDA Diraja dan Pertunangan Diraja ketika duduk di tengah-tengah majlis (atas tengah, atas dan kiri).

TINJAU PRASARANA, KEMUDAHAN SEKOLAH UGAMA



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Ihsan Jabatan Pengajian Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Januari. – Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman meneruskan lagi sesi Lawatan Kerja ke dua buah sekolah ugama, iaitu Sekolah Ugama Beribi; dan Sekolah Ugama Katok (Bangunan Sekolah Menengah), sempena permulaan Sesi Persekolahan Ugama Penggal Pertama bagi Tahun 2024. Lawatan berkenaan merupakan acara tahunan Kementerian

Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di persekolahan ugama, di samping menyaksikan lebih dekat prasarana dan kemudahan sekolah bagi memastikan penyediaan dan pencapaian pendidikan ugama yang berkualiti tinggi dan berkesan. Lawatan Kerja rombongan Yang Berhormat ke sekolah ugama



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa meneruskan lagi sesi Lawatan Kerja dan seterusnya berinteraksi bersama murid-murid dan guru-guru (kiri dan atas).

berkenaan dialu-alukan oleh Guru Besar Sekolah Ugama Beribi, Dayang Hajah Jamaliah binti Haji Yasin; dan Guru Besar Sekolah Ugama Katok, Dayang Norshuhada binti Haji Moksin.

Pengisian Lawatan Kerja rombongan Yang Berhormat dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Guru Besar sekolah dan seterusnya lawatan ke kelas-kelas murid dengan Yang Berhormat berpeluang berinteraksi dengan murid-murid dan guru-guru.

Sekolah Ugama Beribi Gadong, Kawasan Brunei III, kini mempunyai sekitar 645 murid yang belajar pada

sesi pagi dan sesi petang, iaitu murid-murid Darjah IV, Darjah V dan Darjah VI dengan 23 tenaga pengajar pada sesi pagi dan 28 orang pada sesi petang.

Sementara itu, Sekolah Ugama Katok yang baru ditubuhkan pada 2 Januari 2024 lalu mempunyai sejumlah 149 orang murid, iaitu 82 murid Darjah V dan 67 murid Darjah VI dengan tenaga pengajar seramai 13 orang.

Turut hadir semasa Lawatan Kerja berkenaan, para pegawai kanan dan para pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

Melihat lebih dekat pelaksanaan pengajaran, pembelajaran persekolahan ugama



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan Lawatan Kerja (atas dan bawah).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



MENTIRI, Isnin, 8 Januari. – Sempena permulaan Sesi Persekolahan Ugama Penggal Pertama bagi Tahun 2024, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, petang tadi mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah Ugama Sungai Besar dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Mentiri.

Hadir mengalu-alukan rombongan ialah Guru Besar Sekolah Ugama Sungai Besar, Dayang Hajah Rusita binti Haji Ali dan Guru Besar

TATACARA MENDAFTAR PROFIL PSCR 2.0

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

01

Layari laman sesawang PSCR 2.0 di WWW.RECRUITMENT.GOV.BN dan klik **LOG MASUK**

02

Log masuk menggunakan akaun e-darussalam

03

Cipta PSC TOKEN awda bagi tujuan keselamatan dan pastikan klik **SIMPAN**

04

Klik **Dashboard Saya** dan Kemaskini profil awda sehingga indikasi dashboard bar menunjukkan 100%

Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Dayangku Rafidah binti Pengiran Haji Metahir.

Antara pengisian Lawatan Kerja Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU adalah termasuk sesi taklimat yang disampaikan oleh Guru Besar sekolah.

Seterusnya, beliau mengadakan lawatan ke kelas-kelas murid dan berinteraksi bersama murid-murid dan guru-guru.

Lawatan berkenaan merupakan acara tahunan KHEU bagi meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di persekolahan ugama, di samping menyaksikan lebih dekat prasarana dan kemudahan sekolah bagi memastikan penyediaan dan pencapaian pendidikan ugama yang berkualiti tinggi dan berkesan.

Rombongan lawatan turut disertai oleh pegawai-pegawai kanan dan para pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

LEBIH 150 BUAH LUKISAN DIPAMERKAN

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Januari. – Lebih daripada 150 lukisan yang menampilkan karya seni Dato Paduka Haji Haini bin Haji Hashim dipamerkan di Galeri 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, di sini.

Pameran berkenaan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Impressionism; Realism; dan Abstrak.

Sehubungan dengan itu, dalam usaha untuk mendukung pembangunan industri kreatif, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Muzium-Muzium pagi tadi mengadakan Majlis Pelancaran

Pameran Solo pertama yang menampilkan karya seni Dato Paduka Haji Haini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan pameran berkenaan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Majlis pelancaran dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, yang menyentuh mengenai keupayaan bidang seni boleh dijadikan kerjaya dan terdapat ruang untuk mengongsikan hasil

karya disediakan melalui Galeri 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Dengan adanya ruang dan peluang seperti berkenaan tambahnya, diharap dapat memperkembangkan lagi industri kreatif Negara Brunei Darussalam.

Majlis juga diteruskan dengan penyerahan kutipan dana Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 sebanyak BND 2,231 hasil daripada pameran dan jualan amal seni lukis anjuran Zakaria

SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), KKBS hadir selaku tetamu kehormat pada pameran berkenaan (kanan dan bawah).

Omar Arts Foundation.

Pameran bertajuk 'Kehidupan Dalam Seni / A life in Art' dibukakan untuk kunjungan orang ramai pada setiap hari mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali Ahad; jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang dan ditutup pada Jumaat sehingga 31 Januari 2024.

Aktiviti sampingan bertajuk 'Bicara Seni' akan diadakan untuk mengasah minat belia dan peserta

bengkel dapat mempelajari asas menggunakan akrilik dalam seni lukisan.

Galeri Seni, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelukis tempatan, sekali gus menjadi pemangkin bagi bidang seni khususnya seni lukisan agar lebih berkembang maju dan memperkembangkan industri kreatif Negara Brunei Darussalam.



83 jenis produk ubat tidak berdaftar dirampas

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Januari. - Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi dan Unit Penguatkuasaan Kesihatan telah menjalankan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) pada 24 Ogos 2023 yang melibatkan seorang runner dan sebuah rumah yang menjual produk-produk di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Farmasi.

Tindakan ini diambil selepas menerima maklumat daripada orang awam mengenai penjualan ubat perangsang seks di laman media sosial. Dalam operasi tersebut, seorang runner telah dipintas dan sebuah rumah di Daerah Tutong telah diserbu.

Hasil gerakan operasi tersebut telah berjaya merampas 83 jenis produk yang terdiri daripada produk ubat yang tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Ubat, produk perangsang seks, produk yang dilarang penjualannya kerana dicemari dengan bahan racun berjadual yang tersenarai di dalam Akta Racun 1956, dan juga produk-produk kosmetik yang dijual tanpa Surat Pengakuan Notifikasi Kementerian Kesihatan.

Jumlah keseluruhan rampasan produk-produk kesihatan dianggarkan bernilai BND9,597.70 Selain itu, barangan vape, rokok dan wang tunai berjumlah BND22,257 dan barangan lain turut dirampas dalam operasi tersebut.

Hasil daripada operasi tersebut,

Kementerian Kesihatan telah mendapati tiga orang terdiri daripada dua lelaki warga tempatan dan seorang perempuan warganegara Indonesia telah melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Perintah Ubat 2007.

Denda kompaun sebanyak BND4,000 telah dikeluarkan kepada pesalah-pesalah tersebut. Penjualan produk ubat-ubatan yang tidak berdaftar dan produk kosmetik tanpa Surat Pengakuan Notifikasi, Kementerian Kesihatan adalah melanggar Bab 10, Perintah Ubat, 2007 dan Peraturan 5(1)(a) Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007.

Individu yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dari BND5,000 atau dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi daripada dua tahun atau kedua-duanya sekali. Kementerian Kesihatan ingin menasihati orang ramai untuk sentiasa berwaspada apabila membeli produk kesihatan dengan iklan dan promosi yang berlebihan

ANTARA produk yang terdiri daripada produk ubat yang tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Ubat.




di laman media sosial yang tidak diketahui kesahihannya.

Orang ramai hendaklah memastikan bahawa produk-produk tersebut adalah mempunyai kebenaran dan kelulusan daripada pihak-pihak yang berwajib di negara ini. Pengambilan ubat perangsang seks tanpa pengawasan doktor boleh meningkatkan tekanan darah dan denyutan jantung, seterusnya meningkatkan risiko serangan jantung dan strok terutama mereka yang mempunyai penyakit darah tinggi, kencing manis serta masalah buah pinggang.

Dalam usaha Kementerian Kesihatan melindungi kesihatan dan kesejahteraan orang awam melalui pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan secara berterusan, orang ramai adalah

digalakkan untuk membuat aduan dan memberikan maklumat mengenai penjualan produk-produk yang di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Farmasi yang disyaki melanggar Perintah Ubat, 2007 dan peraturan-peraturan yang berkenaan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan, Jabatan Perkhidmatan Farmasi melalui telefon +673 2393301 sambungan 208 atau menghantar e-mel kepada pharmacy.enforcement@moh.gov.bn; atau berjumpa terus Pegawai Farmasi di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'; atau hubungi Talian Darussalam 123 agar tindakan sewajarnya dapat diambil bagi membanteras penjualan produk seperti ini di pasaran.



(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PERKATAAN 'aurat' berasal daripada bahasa Arab. Menurut Mu'jam Lughah al-Fuqaha', ia bererti semua perkara yang mendatangkan malu. Dari sudut istilah syara', aurat ialah bahagian tubuh manusia yang wajib ditutup daripada pandangan. Hukum menutup aurat adalah

AURAT lelaki ialah bahagian badan di antara pusat dan lutut. Manakala aurat perempuan pula ialah seluruh badannya kecuali muka dan kedua-dua tapak tangannya. Maksud kedua-dua tapak tangan itu ialah bahagian yang zhahir (belakang tapak tangan) dan yang bathin (perut tapak tangan). Seorang lelaki wajib menutup auratnya walaupun di hadapan sesama lelaki dan wajib juga bagi seorang perempuan menutup auratnya walaupun di hadapan sesama perempuan. Dalam satu riwayat daripada Abu Sa'id al-Khudri Radhiallahu 'anhū, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah bersabda:

Maksudnya: Tidak (harus) seorang lelaki memandang aurat seorang lelaki dan tidak (harus) seorang perempuan (memandang) aurat seorang perempuan. (Hadits riwayat Muslim)

Batas Aurat Sesama Perempuan

wajib sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Tafsirnya: Dan apabila mereka melakukan perbuatan keji, mereka berkata: "Kami mendapati bapa-bapa (dan datuk nenek) kami melakukannya dan Allah memerintahkan kami melakukannya".

(Surah al-A'raf: 28)

Menurut Ibn 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, maksud melakukan perbuatan keji (fahisyah) dalam ayat di atas ialah mereka melakukan thawaf dalam keadaan telanjang.

Berdasarkan perkataan Ibn 'Abbas di atas maka perbuatan tidak menutup aurat (telanjang) itu adalah perbuatan keji dan Allah Subhanahu wa Ta'ala melarang kita melakukannya. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Tafsirnya: Dan janganlah kamu mendekati perbuatan keji sama ada yang terang mahupun yang tersembunyi.

(Surah al-An'am: 151)

Aurat lelaki ialah bahagian badan di antara pusat dan lutut. Manakala aurat perempuan pula ialah seluruh badannya kecuali muka dan kedua-dua tapak tangannya. Maksud kedua-dua tapak tangan itu ialah bahagian yang zhahir (belakang tapak tangan) dan yang bathin (perut tapak tangan) dari hujung jari sehingga pergelangan tangan.

Seorang lelaki wajib menutup auratnya walaupun di hadapan sesama lelaki dan wajib juga bagi seorang perempuan

WALAU bagaimanapun perempuan bukan Islam harus melihat apa yang nampak daripada bahagian tubuh perempuan Islam (yang terpaksa dibuka) ketika sedang melakukan pekerjaan. Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini Rahimahullah dalam kitabnya al-Iqna' fi Hill Alfazh Abi Syuja' menyebut:

Ertinya : Bahawasanya harus dia (perempuan bukan Islam) melihat apa ternampak daripadanya (perempuan Islam) ketika sedang membuat pekerjaan dan ini adalah pendapat azh-zhahir. Adapun bahagian yang harus dilihat oleh perempuan bukan Islam ketika perempuan Islam melakukan pekerjaan itu ialah muka, kepala, leher, tangan hingga siku dan kaki hingga lutut.

menutup auratnya walaupun di hadapan sesama perempuan. Dalam satu riwayat daripada Abu Sa'id al-Khudri Radhiallahu 'anhū, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah bersabda:

Maksudnya: Tidak (harus) seorang lelaki memandang aurat seorang lelaki dan tidak (harus) seorang perempuan (memandang) aurat seorang perempuan.

(Hadits riwayat Muslim)

Mengenai dengan aurat sesama perempuan, sebahagian orang tidak mengetahui tentang perbezaan batas aurat antara perempuan Islam dengan perempuan Islam dan batas aurat antara perempuan Islam dengan perempuan bukan Islam.

Menurut hukum syara', batas aurat sesama perempuan dibagikan sebagaimana berikut:

1. Batas aurat perempuan Islam dengan perempuan Islam

Aurat perempuan Islam di hadapan perempuan Islam yang lain adalah sama seperti aurat perempuan di hadapan lelaki dari kalangan mahramnya iaitu bahagian badan di antara pusat dan lutut.

2. Batas aurat perempuan Islam dengan perempuan bukan Islam

Aurat perempuan Islam di hadapan perempuan bukan Islam sebagaimana menurut pendapat al-ashah adalah sama seperti auratnya di hadapan lelaki asing iaitu seluruh badannya kecuali muka dan kedua-dua tapak tangannya.

Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj menyebut:

Ertinya: Dan mengikut pendapat al-ashah adalah diharamkan perempuan kafir zimmi atau selainnya (daripada perempuan bukan

Islam) melihat kepada (aurat) perempuan Islam, maka dari itu (wajib) perempuan Islam menutup (auratnya) dari pandangannya (perempuan bukan Islam) berdasarkan firman Allah (tafsirnya): "Atau perempuan-perempuan mereka (perempuan-perempuan Islam)" [surah an-Nur: 31]. Jika harus baginya (perempuan bukan Islam) melihat (aurat perempuan Islam), nescaya tidak ada faedah pada mengkhususkannya (menyebut perempuan-perempuan Islam). Sedangkan telah sah (sabit) riwayat daripada 'Umar Radhiallahu 'anhū bahawa dia menegah perempuan-perempuan ahli kitab masuk ke bilik air bersama-sama dengan perempuan-perempuan Islam dan juga kerana dia (perempuan bukan Islam) mungkin akan menceritakannya (apa yang dilihatnya) kepada lelaki kafir.

Walau bagaimanapun perempuan bukan Islam harus melihat apa yang nampak daripada bahagian tubuh perempuan Islam (yang terpaksa dibuka) ketika sedang melakukan pekerjaan. Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini Rahimahullah dalam kitabnya al-Iqna' fi Hill Alfazh Abi Syuja' menyebut:

Ertinya: Bahawasanya harus dia (perempuan bukan Islam) melihat apa ternampak daripadanya (perempuan Islam) ketika sedang membuat pekerjaan dan ini adalah pendapat azh-zhahir.

Adapun bahagian yang harus dilihat oleh perempuan bukan Islam ketika perempuan Islam melakukan pekerjaan itu ialah muka, kepala, leher, tangan hingga siku dan kaki hingga lutut.

Demikian penjelasan mengenai batas aurat sesama perempuan.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولأن قوسه دعوه اسلاميه

MASJID adalah sebuah bangunan yang dihaskan untuk mengerjakan amal ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan ia merupakan tempat yang suci dan mulia dalam Islam. Masjid juga adalah lambang kepada syiar Islam dan merupakan pusat perhimpunan yang menyatupadukan umat Islam yang beribadat dengan lebih khusyuk dan tawaduk di samping sebagai tempat menimba ilmu pengetahuan dan menerima nasihat serta pengajaran. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam ath-Thabarani, daripada Abdullah, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Sesungguhnya rumah-rumah Allah di bumi adalah masjid-masjid dan sesungguhnya adalah hak atas Allah memuliakan orang yang mengunjungi-Nya di dalamnya".

Selain itu, masjid juga dianggap sebagai 'rumah' Allah Subhanahu Wata'ala. Mereka yang diberikan kesempatan untuk memakmurkan dan mengimarahkan rumah-Nya adalah sangat beruntung. Pengimarahkan masjid adalah untuk dilaksanakan kepada

semua orang meliputi seluruh lapisan masyarakat dan peringkat umur. Ianya bertujuan untuk mengukuhkan akidah Islam supaya semakin mantap justeru dapat memelihara masyarakat daripada sebarang penyelewengan akidah, memperbaiki akhlak dan melaksanakan ibadah yang dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah At-Taubah, ayat 18 mafhumnya :

"Orang-orang yang layak mengimarahkan masjid-masjid Allah itu hanyalah mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta tidak takut melainkan kepada Allah. (Dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka mudah-mudahan mereka termasuk dalam golongan yang mendapat petunjuk".

Bagi mereka yang tinggal berdekatan dengan masjid, mereka adalah beruntung kerana dapat mendengarkan laungan azan, bacaan-bacaan ayat Al-Quran, tazkirah dan apa jua acara keagamaan di masjid, malah mereka mudah mengunjungi masjid dengan hanya berjalan kaki. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhū, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

bersabda yang maksudnya :

"Setiap orang yang bersuci (berwudhuk) di kediamannya, kemudian ia berjalan menuju ke salah sebuah masjid untuk bersembahyang, maka Allah akan menuliskan untuknya satu hasanah (pahala) bagi setiap langkah dan meningkatkan satu darjat".

Walau bagaimanapun, bagi mereka yang tinggal jauh daripada masjid juga tidak terkecuali daripada meraih ganjaran dan pahala. Semakin banyak langkah kaki seseorang itu menuju ke masjid, pahala yang diterimanya juga turut bertambah. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Musa Radhiallahu 'anhū, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Orang yang paling banyak mendapatkan pahala dalam sembahyang adalah mereka yang paling jauh (jarak rumahnya ke masjid) kerana paling jauh perjalanannya menuju masjid. Dan orang yang menunggu sembahyang hingga dia melaksanakan sembahyang bersama imam, lebih besar pahalanya dari orang yang melaksanakan sembahyang kemudian tidur".

Masjid yang benar-benar berfungsi akan memberikan banyak faedah dan manfaat kepada masyarakat di sekitarnya seperti

dalam aspek pembentukan kerohanian, keilmuan dan juga sebagai pusat rujukan dan khidmat kepada masyarakat. Semoga kita bersama-sama memartabatkan institusi masjid dengan lebih baik lagi dan menjadikan masjid mesra masyarakat dan jemaah sehingga hati dan fikiran masyarakat berpaut dan bergantung kepada masjid.

Dalam usaha mencari keredaan Allah, marilah kita mendidik diri dan keluarga kita untuk mencintai masjid. Kunjungilah masjid khususnya sebelum masuk waktu sembahyang dan berada di dalamnya untuk beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhū, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Para Malaikat memohon kerahmatan kepada seseorang di antara kamu selama ia masih berada di tempat sembahyangnya selama ia belum berhadass. (Mereka mengucapkan) "Ya Allah, berilah pengampunan untuknya. Ya Allah, kurniakanlah kerahmatan untuknya." Seseorang dari kamu itu masih dianggap dalam keadaan bersembahyang selama sembahyang itulah yang menyebabkan ia bertahan di tempatnya itu, jadi tiada sesuatu pun yang menghalang-halangi darinya untuk kembali ke tempat keluarganya melainkan hanya sembahyang itu".

Cintailah masjid

NHANSS-3 : KENAL PASTI KADAR PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT



KONSULTAN (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan, Dr. Ong Sok King semasa penyampaian maklumat Kaji Selidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Kali Ke-3 Fasa 2.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Januari. - Kaji Selidik Kesihatan Kebangsaan memainkan peranan penting dalam membimbing usaha untuk mengurangkan beban penyakit, meningkatkan kesihatan penduduk dan menyumbang untuk mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Konsultan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan, Dr. Ong Sok King menjelaskan, Kaji Selidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan (NHANSS-3) Ke-3 adalah sebahagian daripada inisiatif kementerian dalam usaha ke arah negara yang sihat, meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan keseluruhan penduduk sejajar dengan usaha negara dalam mencapai kualiti hidup tinggi termasuk mencapai gaya hidup sihat dan mengurangkan beban penyakit.

"Inisiatif ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk mencapai SDG termasuk mengurangkan beban penyakit dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa menjelang tahun 2030," ujarnya semasa penyampaian maklumat NHANSS-3 Fasa 2 yang berlangsung di Bangunan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurutnya, kita kini berada di fasa kedua kaji selidik, tertumpu khusus pada usia awal kanak-kanak dan remaja, wanita serta ibu bapa.

Sementara itu, Pemangku Pegawai Kesihatan Kanan, Kementerian Kesihatan, Dr. Lubna binti Haji Abdul Razak pula berkata, fasa kedua mempunyai lima jenis soal selidik, iaitu soal selidik bagi isi rumah; soal selidik bagi perempuan 15 tahun hingga 49 tahun; soal selidik bagi kanak-kanak berumur lima tahun ke bawah; soal selidik bagi kanak-kanak 5 tahun hingga 17 tahun; dan soal selidik bagi lelaki 15 tahun hingga 49 tahun.

Beliau menambah, sejak November lalu, fasa kedua bagi kaji selidik berkenaan telah bermula dengan pasukan pembantu penyelidik sedang giat melawat ke rumah-rumah yang terpilih untuk melaksanakan kaji selidik di keempat-empat daerah.

Manakala Pensyarah Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Zaidah Rizidah binti Murang pula menjelaskan, maklumat daripada kaji selidik berkenaan boleh membantu pihak Kementerian Kesihatan untuk mengetahui kadar penyakit-penyakit tidak berjangkit dan faktor-faktor risikonya, memantau perkembangan strategi yang sedia ada dan juga supaya dapat membuat perancangan dan menjalankan sebarang usaha-usaha bagi pencegahan penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Beliau seterusnya menegaskan bahawa segala maklumat yang diperoleh daripada kaji selidik berkenaan adalah sulit dan maklumat peribadi tidak akan digunakan semasa data analisis dan penerbitan data.

"Bagi mereka yang telah terpilih untuk menyertai kaji selidik ini, pihak Kementerian Kesihatan menggalakkan penyertaan mereka dan dinasihatkan juga kepada mereka untuk memberi kerjasama yang penuh kepada pembantu penyelidik semasa lawatan mereka supaya semua proses kaji selidik ini dapat diselesaikan dengan sempurna dan baik," ujarnya.

NHANSS Ke-3 berkenaan dijalankan dengan kerjasama UBD dengan sokongan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan UNICEF.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Kenali Bahasa Brunei

Kunyam-kunyam bermaksud mengunyah dengan tidak henti-henti.

Contoh pemakaian kata : sambilnya maliat urang main bula, sambilnya kunyam-kunyam makan kacang.

Mangurah-ngurahi bermaksud mencuci atau membersihkan pinggan mangkuk dan sebagainya bagi kali kedua atau seterusnya untuk menghilangkan sabun cuci atau habuk.

Contoh pemakaian kata : luan ramai urang datang ani, inda lagi bagalas iatah tapaksa ia mangurah-ngurahi gelas ampai-ampai atu kan pakainya minum.

Lumih-lumih bermaksud bahagian kecil-kecil daripada sesuatu benda, perkara, dan lain-lain atau dalam bahasa Melayu disebut butir.

Contoh pemakaian kata : inda tantu lumih-lumih kurapkanya.

Ingar bermaksud bising.

Contoh pemakaian kata : jangan ingar, Si Alai damit tidur.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS

Selera KAMPUNG Kitani

Sambal Udang Hidup Masak Kicap Pedas Kampung Lambak Kiri

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

BAHAN-BAHANNYA :

- 1 kilo udang hidup dikupas kulitnya dan dibersihkan
- 2 ulas bawang merah
- 3 ulas bawang putih
- ½ biji bawang besar
- 3 biji lada hidup
- 2 sudu makan lada kisar
- 1 sudu kicap pedas
- 1 sudu kicap manis
- 1 sudu kicap masin

- 1 sudu sos cili maggi
- Garam secukup rasa
- Serbuk perasa secukup rasa
- Sedikit air asam jawa
- Sedikit halia dan air biasa

CARA MEMASAKNYA :

Panaskan minyak ke dalam kualiti. Kemudian tumiskan bawang putih, bawang merah dan halia. Sesudah kekuningan, masukkan

lada kisar.

Lepas itu, masukkan kicap pedas, manis dan masin. Baru masukkan sos cili maggi sedikit. Kemudian, baru masukkan lada hidup dan bawang besar.

Kemudian, masukkan udang, sedikit garam, serbuk perasa dan air asam jawa dan ditambahkan sedikit air.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣﴾ كالي.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٣﴾ كالي.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٣﴾ كالي.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ أَلْبَاءَ وَأُلُوبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْئِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣﴾ كالي.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَخَلَّلَ بِهٖ الْغَدُّ، وَتَنَفَّرَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضَّى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْغَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اُبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاُبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ مباوا كبراونتوغن ساعت بسر كقد قععملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Makluman Iklan Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III, IV & V

Kategori :
KPME05

Tarikh Tutup Dilanjutkan

Sehingga :

16 Januari 2024, (Selasa)
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BP / 37 / 2023

Nama Projek :
Penggantian Halon 1301
Extinguisher System
Bagi Bangunan Undang-Undang

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Makluman Iklan Lanjutan :

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
Vehicles Supplier / Agent Only

Kategori :
Vehicles Supplier / Agent Only

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
26 Disember 2023, (Selasa).

**Tarikh Tutup Dilanjutkan
Sehingga :**
16 Januari 2024 (Selasa),
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-ME / 38 / 2023

Nama Projek :
Membekal Tiga (3) Unit Kendaraan
Pemeriksaan Jalan Raya
Untuk Jabatan Jalan Raya,
Jabatan Kerja Raya

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRM 01 / 2024

Nama Projek :
PENGURUSAN PEMELIHARAAN
BERINTEGRASI
BAGI JALAN RAYA ZON 1,
DAERAH BRUNEI MUARA

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

E-Dokumen :

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran :**
3 Januari 2024

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Tidak lewat Selasa,
23 Januari 2024.
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 30 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran :
JKP/SH/2023-2024/39

Tajuk Tawaran :
"TO PRINT AND PROVIDE
TOURIST GUIDE BADGES"

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 18 Januari 2024
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV & V Sahaja

Kategori :
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
23 Januari 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup :
6 Februari 2024, (Selasa).
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BP / 01 / 2024

Nama Projek :
PENGANTIAN DAN
PEMASANGAN BAHARU
JENTERA PENYEJUK UDARA,
PAM
DAN LAIN-LAIN KERJA YANG
BERKAITAN
BAGI BANGUNAN BLOK 5 DAN
BANGUNAN KLINIK PAKAR DI
HOSPITAL RIPAS

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Makluman Iklan Lanjutan

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :
JPt / TAW / 08 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja Pembaikan Am Banglo
Pejabat Wasan,
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang,
Selasa,
23 Januari 2024.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran :
"THE SUPPLY AND DELIVERY
OF ISATPHONE PREPAID
SUBSCRIPTION SERVICES
AND ANNUAL LICENSE FEE
FOR SEARCH AND RESCUE
OPERATION,
DEPARTMENT OF CIVIL
AVIATION"
ATELS / 2023 / SH-25 (R)

**Tarikh Iklan/Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
8 Januari 2024, Isnin

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
16 Januari 2024, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
17 Januari 2024, Rabu
(Tidak lewat jam
2.00 Petang)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
30 Januari 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup:
13 Februari 2024 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 001 / 2024

Nama Projek:
KONTRAK PENGGAL BAGI
PERKHIDMATAN KEBERSIHAN
UNTUK PEJABAT JABATAN
KERJA RAYA DAN SUB OFIS
DI DAERAH TUTONG DALAM
MASA 36 BULAN

No. Projek:
2024 / 2025 JKRTUT / B00405-01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 002 / 2024

Nama Projek:
KONTRAK PENGGAL BAGI



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
IV & V sahaja

Kategori :
KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRM 02 / 2024

Nama Projek :
PEMBEKALAN "SHEET PILING"
UNTUK
KERJA-KERJA KECEMASAN

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

E-Dokumen :

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran :**
3 Januari 2024.

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Tidak lewat Selasa,
23 Januari 2024.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 30 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.



PENYELENGGARAAN
BANGUNAN UNTUK PEJABAT
JABATAN KERJA RAYA
DAN SUB OFIS DI DAERAH
TUTONG DALAM MASA 36
BULAN

No. Projek:
2024 / 2025 JKRTUT / B00405-02

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)





Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
IV sahaja

Kategori :
KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / BBA 01 / 2024

Nama Projek :
PROGRAM PENINGKATAN DAN
PEMBAIKAN
INFRASTRUKTUR JAMBATAN
- PAKEJ 2 PEMBINAAN
JEJANTAS PEJALAN KAKI
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

E-Dokumen :
-

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran :**
10 Januari 2024.

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Tidak lewat Selasa,
30 Januari 2024.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 6 Februari 2024.
Jam 2.00 Petang



BND10.00

BORANG TAWARAN :
BND30.00
-Tidak Dikembalikan-

**Tarikh terakhir untuk membeli
dokumen tawaran adalah**
pada Khamis,
18 Januari 2024,
Jam 2.30 Petang.

Tawaran :
JPH/TAW-P/260014/01(R)
CROCODILE RELOCATION
PROGRAM FOR BRUNEI
DARUSSALAM

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 30 Januari 2024
Jam : 2.00 Petang.

**BORANG PENDAFTARAN
SYARIKAT**
(Jika belum berdaftar):



Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
IV & V Sahaja

Kategori :
KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRM 03 / 2024

Nama Projek :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH
PADANG KAWAD
IBU PEJABAT POLIS GADONG

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

E-Dokumen :
-

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran :**
10 Januari 2024.

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Tidak lewat Selasa,
23 Januari 2024.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 30 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran :
RTB / 05 / 2023

Tajuk Tawaran :
Cleaning Services At Radio
Television Brunei Broadcasting
Complex Sungai Akar For A Period
Of Three (3) Years

Bayaran Tawaran:
BND30.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
23 Januari 2024.
(2.00 Petang)



Tajuk Tawaran :
Request For Information (RFI)
bagi Industrial Animal Repellent
Services for Department of
Electrical Services

Tarikh Tutup :
Sabtu,
27 Januari 2024,
sebelum jam 9.00 Pagi.



Tarikh Iklan Lanjutan

Bilangan Tawaran :
KK / 270 / 2023 / PPN

Keterangan :

Supply, Delivery, Installation,
Testing and Commissioning Twelve
(12) Unit Of Dental Air Compressor
For Department Of
Dental Services,
Ministry Of Health

Bilangan Tawaran :
KK / 278 / 2023 / UPP

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install, Testing
and Commissioning Of Cardiology
24 Hours Monitoring Devices



Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 56 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Menghantar Toner
Cartridge

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 57 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Menghantar
Peralatan Perabot Elektrik

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 58 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Membekal Dan Menghantar
Lampu Elektrik Dan Aksesori

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 59 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Menghantar LED
Solar Floodlight

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 60 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Folding Chair With Writing Board

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 61 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Membekal Dan Menghantar
Peralatan Kipas Angin Elektrik

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
18 Januari 2024.
(1.50 Petang)



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0062 / 2023

Tajuk Sebut Harga:
"Repair Works At House No.6,
Flat F Kg. Sabun, Department Of
Fisheries"

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis, 18 Januari 2024.
(2.00 Petang)



Bilangan Tawaran:
KKBS / OBBD / F-004 (05-2023)

Tajuk Tawaran:
Re-Quotation : Kontrak Penggal
(2) Tahun (2024-2026) Bagi
Penyediaan Dan Penyajian Makan
/ Minum (Katering) Untuk Pegawai,
Kakitangan Dan Peserta Yang
Mengikuti Pelbagai Program
Outward Bound Brunei Darussalam
(OBBD) Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Bayaran Yuran Tawaran:
Khamis 11 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.



(Twelve (12) Units Of Holter
Recorder, Twelve (12)
Units Of Wrist Watch
Type Ambulatory Blood
Monitor (ABMP) For
Cardiology Department,
Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha (RIPAS) Hospital

**Tarikh Tutup Dilanjutkan
Sehingga :**
Selasa,
16 Januari 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

KETAHUI SUMBER GARAM ANDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM



1

Pilih makanan segar
dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan
yang berlabel pilihan
lebih sihat



3

Pilih produk makanan
kurang / rendah / tanpa
garam

4

Kurangkan pengambilan
sup dan kuah yang
masin

5

Elakkan makanan terlalu
masin: ikan masin, telur
masin, asam samboi dan
pelbagai jenis jeruk

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari
satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah
tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

DARI MAHKAMAH

DIHUKUM PENJARA, SEBAT AKIBAT CEDERAKAN SEORANG PEREMPUAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Januari. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman lapan tahun dan enam bulan serta enam kali sebatan atas kesalahan menggunakan beberapa senjata tajam, bertindak dengan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan.

Hakim Harnita Zelda binti Skinner menjatuhkan hukuman tersebut selepas mendapati Mohamad Alaina bin Ibrahim, berusia 42 tahun mengaku bersalah di Mahkamah

Perantaraan. Berdasarkan pertuduhan, Muhammad Alaina didakwa melakukan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan kepada seorang wanita tempatan.

Dalam penghakiman, mahkamah berpuas hati dengan keputusan dan mendapati bahawa keterangan yang diberikan oleh saksi polis, boleh dipercayai dan boleh diterima.

Dalam menilai bukti, mahkamah telah mempertimbangkan perkara berikut iaitu bagi pertuduhan pertama dan keempat pada 7 Jun 2020 oleh pengesahan doktor

dari Jabatan Kemalangan dan Kecemasan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) berkenaan seorang pesakit wanita yang telah didera oleh teman lakinya.

Pesakit wanita tersebut dikenal pasti sebagai PW18 manakala teman lelaki yang dituduh melakukan penderaan ialah defendan itu sendiri.

Mengikut pertuduhan, PW18 telah memberikan bukti bahawa pada awal Jun 2020, telah berlaku pertengkaran semasa perjalanan mereka dari Bandar Seri Begawan ke Kuala Belait dan defendan didakwa telah menyeranginya.

Defendan menafikan sekeras-kerasnya semua tuduhan yang dibuat oleh PW18, mengaitkan tuntutannya sebagai permusuhan yang berlarutan daripada sejarah bersama mereka. Defendan sebenarnya berhujah bahawa dia cuba mengelak PW18.

Dalam masa yang sama, defendan menuduh PW22 berlaku tidak jujur, iaitu PW22 ini merujuk kepada suami PW18 yang menegaskan bahawa PW18 sebelum ini memaklukkannya sering disalahgunakan dan didera oleh PW22 di mana terdapat keterangan saksi iaitu DW2 pernah menyaksikan PW22 memukul PW18 dengan kayu besbol.

Defendan seterusnya mencabar bukti perubatan, mendakwa

bahawa defendan telah gagal secara muktamad mengenal pasti punca kecederaan PW18. Dia berhujah bahawa laporan perubatan itu cacat dan tidak boleh dipercayai kerana terdapat percanggahan dalam kalangan doktor dalam menentukan punca kecederaan.

Pihak mahkamah menolak dakwaan defendan bahawa PW18 mereka-reka keterangan, dengan mendakwa bahawa dia secara palsu menuduhnya melakukan serangan dan menegaskan bahawa PW22 yang telah menyeranginya secara konsisten. Mahkamah yakin bahawa PW18 adalah saksi yang boleh dipercayai, berhubung dengan keterangannya terhadap defendan.

Walaupun defendan mencabar keterangan itu, termasuk mempertikaikan kredibiliti laporan perubatan, mencadangkan penjelasan alternatif untuk kecederaan dan membantah pemilikan objek, mahkamah tetap tidak yakin dengan dakwaan tersebut.

Selepas melakukan beberapa pemeriksaan menyeluruh terhadap bukti yang dikemukakan oleh PW18 serta keterangan saksi lain dan laporan perubatan, mahkamah diyakinkan bahawa defendan telah menyebabkan kecederaan yang teruk terhadap PW18.

Kecederaan yang ada pada

PW18 adalah berpunca daripada pelbagai tindakan kekerasan iaitu menggunakan pelbagai senjata seperti logam paip, pemutar skru, tukul, bicu kereta dan sepasang gunting. Kecederaan yang dialami oleh PW18 sememangnya jelas memaparkan satu penderaan yang sangat teruk.

Selain itu, pihak mahkamah juga berasa yakin bahawa defendan telah mengurung PW18 secara salah di dalam sebuah bilik untuk tempoh yang tertentu. Selepas membuat penilaian secara menyeluruh terhadap semua bukti, pihak mahkamah mendapat bahawa defendan mempunyai saksi yang kurang dipercayai berikutan bukti yang tidak konsisten khususnya terhadap tuduhan yang telah dibuatnya.

Seterusnya, defendan juga turut menimbulkan beberapa keraguan yang munasabah khususnya dalam mempertahankan dirinya. Oleh yang demikian, pihak mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah mewujudkan unsur pertuduhan, mendapati defendan bersalah, tanpa keraguan munasabah, atas semua pertuduhan terhadapnya dan sewajarnya, disabitkan dengan perkara yang sama. Kes tersebut dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Raihan Nabilah binti Haji Ahmad Ghazali.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.



Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PERMOHONAN DIPLOMA TERTINGGI 'ALIYAH QIRAAT ITQSHHB DIBUKAKAN

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Januari. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) membukakan tawaran pengambilan siswa-siswi baharu bagi Program Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat ITQSHHB bagi sesi pengajian 2024-2027 bermula pada Khamis, 11 Januari 2024 hingga Khamis, 22 Februari 2024.

Tawaran pengambilan siswa-siswi baharu bagi Program Tertinggi Diploma 'Aliyah Qiraat ITQSHHB sesi pengajian 2024-2027 berkenaan dibukakan kepada semua warga dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (NBD) yang beragama Islam.

Pemohon hendaklah memperoleh pangkat kredit bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa Cambridge (GCE 'O'Level); memperoleh sekurang-kurangnya empat Jayyid (baik)

dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) termasuk Jayyid (baik) dua mata pelajaran teras, iaitu Al-Quran dan Bahasa Arab atau Jayyid (baik) dalam dua mata pelajaran wajib, iaitu Tafsir/Hadith/Fiqh/Tauhid/Tarikh dan yang sebanding dengannya atau sekurang-kurangnya empat kredit dalam Peperiksaan GCE 'O' Level atau International General Certificate Of Secondary Education IGCSE Level atau yang sebanding dengannya termasuk kredit C6 dalam mata pelajaran Bahasa Arab; telah hafaz sekurang-kurangnya 10 juzuk Al-Quran adalah satu kelebihan; lulus temu duga kemasukan Diploma 'Aliyah Qiraat; dan mempunyai akuan kesihatan dari Pusat Kesihatan kerajaan yang diiktiraf.

Bagi yang bukan rakyat NBD (ibu atau bapa bertugas di jabatan kerajaan atau Government Linked Companies di NBD) yang berminat

dan berkecenderungan, bolehlah memohon dengan membuat Surat Permohonan Khas kepada Pengerusi Lembaga ITQSHHB melalui Pengetua institut.

Borang permohonan boleh diperoleh di pejabat ITQSHHB, Simpang 175, KM 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Bandar Seri Begawan pada waktu pejabat dibuka, ataupun dimuat turun daripada laman sesawang rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama, www.kheu.gov.bn.

Tarikh tutup mengemalkan borang ialah pada Isnin, 22 Februari 2024, jam 4.00 petang.

Bagi sebarang keterangan lanjut bolehlah menghubungi melalui Pegawai Bahagian Pendaftaran Siswa-Siswi dan Ketua Unit Pengambilan (Hal Ehwal Siswa-Siswi) Pengajian Tinggi Diploma 'Aliyah Qiraat, ITQSHHB, iaitu Pengiran Siti Norhamdiah binti Pengiran Metassan, di talian +673 7165945.



Tip KESIHATAN

Ketahui tanda-tanda masalah buah pinggang

KITA mungkin tidak tahu jika mengalami sesuatu penyakit disebabkan tanda-tanda yang agak sama dengan penyakit lain. Namun, bagi masalah buah pinggang gagal berfungsi, ada beberapa tanda-tanda buah pinggang rosak yang sangat jelas.

Tip Kesihatan untuk keluaran minggu ini akan mengongsikan secara umum tujuh tanda buah pinggang awda bermasalah yang perlu awda ketahui dan berhati-hati.

Tanda buah pinggang rosak

Menjaga buah pinggang adalah aspek penting dalam menjalani kehidupan yang sihat. Dengan peningkatan masalah kesihatan yang berkaitan dengan buah pinggang, adalah penting bagi rakyat Negara Brunei Darussalam untuk mengenali tanda-tanda awal kegagalan buah pinggang.

1. Perubahan dalam corak kencing

- Salah satu tugas utama buah pinggang ialah menapis sisa melalui air kencing. Sebarang perubahan dalam kekerapan, warna atau jumlah air kecil mungkin merupakan tanda masalah buah pinggang.
- Jika awda kerap atau kurang kencing sejak kebelakangan ini, awda perlu berjumpa doktor untuk melakukan pemeriksaan. Selain itu, awda juga perlu ke klinik jika perasaan air kencing menjadi berbuih atau mengalami kesukaran untuk membuang air kecil.

2. Bengkak pada tangan, buku lali dan kaki


- Buah pinggang berperanan membantu mengeluarkan cecair tambahan dalam badan. Apabila buah pinggang gagal melakukan fungsinya dengan baik, cecair ini boleh terkumpul lalu menyebabkan bengkak pada tangan, buku lali dan kaki awda. Ini adalah antara tanda buah pinggang bocor yang tidak boleh diabaikan. Apatah lagi jika ia disertai dengan gejala-gejala kronik lain.

3. Keletihan dan kelemahan

- Buah pinggang yang sihat menghasilkan erythropoietin (EPO), hormon yang mendorong badan untuk mencipta sel darah merah pembawa oksigen. Apabila buah pinggang rosak, ia menghasilkan lebih sedikit EPO. Ini mengakibatkan sel darah merah yang dihasilkan menjadi lebih sedikit, dan kurang oksigen untuk otot awda. Kesannya, ia menyebabkan badan berasa lesu, letih dan lemah.

4. Kurang selera makan dan rasa seperti logam dalam mulut

- Kegagalan buah pinggang boleh menyebabkan pengumpulan sisa dalam darah, iaitu sejenis keadaan yang dikenali sebagai uremia. Ini boleh mengakibatkan kehilangan selera makan atau rasa logam yang konsisten di dalam mulut. Makanan yang dimakan juga boleh kehilangan rasa dan awda



mungkin tidak lagi yang pernah turut mempengaruhi keseluruhan awda dan menyumbang kepada signifikan.

menyukai makanan anda nikmati. Gejala ini

pengambilan nutrien

penurunan berat badan yang

5. Sesak nafas

- Mengalami sesak nafas boleh menjadi antara gejala kegagalan buah pinggang yang teruk. Pengumpulan cecair di dalam paru-paru berlaku akibat kegagalan buah pinggang untuk mengeluarkan cecair yang berlebihan dari badan. Keadaan ini kemudiannya boleh membawa kepada edema pulmonari, keadaan yang menyebabkan sesak nafas.
- Tambahan pula, anemia boleh menyebabkan awda tercapap-cungap walaupun selepas melakukan aktiviti fizikal yang minimum. Ini kerana sel darah merah yang ada terlalu sedikit untuk membawa oksigen ke tempat yang diperlukan.

6. Pening dan muntah

- Mual dan muntah adalah gejala biasa lain yang dialami oleh individu dengan masalah kegagalan buah pinggang. Gejala-gejala ini berkaitan dengan paras sisa yang tinggi, yang terkumpul dalam aliran darah apabila buah pinggang gagal ditapis dengan betul.
- Keadaan dikenali sebagai uremia ini boleh menyebabkan sakit perut, yang menyebabkan loya serta muntah-muntah. Jika tidak dirawat, ini berpotensi mengakibatkan komplikasi lanjut seperti dehidrasi dan kekurangan nutrisi.

Kesimpulan

Tanda-tanda buah pinggang rosak ini boleh menjadi sangat kecil dan mudah diabaikan. Jika awda mengalami mana-mana gejala ini, jangan sesekali mengabaikannya. Buah pinggang awda mungkin cuba memberitahu bahawa ada sesuatu yang tidak normal sedang berlaku. Pengesanan dan rawatan awal boleh membantu melambatkan atau bahkan menghentikan perkembangan penyakit buah pinggang.

MUKA 6

PELITA BRUNEI, Rabu 1 Januari, 1964.

Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1964

BANDAR BRUNEI. — Penyanyi2 lelaki dan perempuan di seluruh Negeri Brunei ada-lah di-jemput untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1964.

Pertandingan Menyanyi tersebut Peringkat Daerah akan di-mulai tidak berapa lama lagi.

Penyanyi2 yang berjaya dalam Pertandingan Menyanyi Peringkat Daerah akan di-pilih mewakili daerah masing2 dalam Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei yang akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam

Dewan Baharu Sekolah Misi

SERIA. — Bishop J. Vos, sa-orang Padri dari Kuching telah membuka dengan rasmi-nya Dewan Baharu Sekolah Misi Saint Michael, Seria pada petang 15 Disember, 1963.

Menurut keterangan Padri Barry, Pengetua, Sekolah Misi Saint Michael perbelanjaan membina dewan sekolah tersebut ialah sa-banyak tujuh puluh lima ribu ringgit.

Wang itu, kata-nya, telah di-dermakan oleh orang2 ramai semenjak sembilan tahun dahulu.

Sa-lain dari itu, kata Padri Barry, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad Seria telah mendermakan wang sa-banyak tujuh ribu ringgit untuk tabung derma pembina dewan sekolah tersebut.

"SANG RANGKAK TIBA LAGI DI-SERIA"

SERIA. — "Sang Rangkak" (buaya) telah sekali lagi kelihatan di-Sungai Seria ia-itu tidak jauh dari kawasan perumahan Sharikat Minyak Shell baharu2 ini.

Oleh itu ada-lah di-minta kepada ibu bapa serta warith kanak2 supaya jangan-lah mereka membenarkan anak2 mereka bermain berdekatan dengan Sungai Seria itu.

minggu pertama Hari Raya Aidil Fitri.

Penyanyi2 lelaki yang hendak mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut hendaklah berumur 16 tahun ka-atas.

Penyanyi2 wanita yang hendak bertanding dalam pertandingan itu hendaklah berumur tidak kurang dari 13 tahun.

Lagu2 yang akan di-pertandingkan dalam pertandingan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

BAHAGIAN LELAKI

Lagu Asli: (a) Hati Sedih (b) Chahaya tak bersinar lagi.

Langgam: (a) Kau ku rindu (b) Hanchor sudah Istana Chinta.

BAHAGIAN WANITA

Lagu Asli: (a) Siti Payong (b) Sa'at demi sa'at.

Langgam (a) Tinggal-lah kasih ku (b) Jeritan batin ku.

Perubahan2 telah pun di-buat pada tahun ini untuk memilih:

(1) Johan lelaki dan perempuan Bahagian Langgam.

(2) Johan lelaki dan perempuan Bahagian Asli.

(3) Penyanyi yang terbaik sekali.

Tiap2 peserta yang ingin merebutkan gelaran penyanyi yang terbaik sekali mesti-lah menyanyikan Lagu Asli dan Langgam.

Penyanyi2 di-tiap2 daerah yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut di-minta mendaftarkan nama mereka kepada:

Daerah Brunei dan Muara-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Bandar Brunei.

Daerah Seria dan Belait — Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Kuala Belait.

Daerah Tutong — Inche Noordin bin Ahmad di-Pusat Pemancaran Radio Brunei Tutong.

Daerah Temburong — Awang Jumat di-Bilek Bachaan, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Bangar.

Penerimaan pendaftaran penyanyi2 di-tiap2 daerah tersebut akan di-tutup pada pukul 4 petang 11 Januari, 1964.

MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Inche U Tha Dok dari Bahagian Pembinaan Jalan Raya, Surohanjaya Per-ekonomian untuk Asia dan Timor Jauh, Pertubohan Bangsa2 Bersatu dan Inche John C. Piperog-lou, sa-orang pakar pembinaan jalan raya dari Athens, Greece telah melawat ka-Brunei dari Bangkok baharu2 ini untuk mena-sehatkan Kerajaan Brunei ber-kenaan dengan projek pembinaan jalan raya di-bawah Rancangan Kemajuan Lima Tahun Negeri Brunei.

Mereka telah di-temui di-Lapangan Terbang Brunei oleh Pesuruhjaya Kemajuan Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Sa'ad bin Marzuki dan Penasehat Undang2 Pertubohan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei, Doktor J.S. Gould.

☆

BERAKAS. — Inche A.G. Paul, sa-orang Pegawai Pertubohan Bangsa2 Bersatu yang berkhidmat dengan Pejabat Luar Asia P.B.B. di-Colombo, Ceylon telah melawat ka-Negeri Brunei sedikit hari dahulu, dalam bidang lawatan-nya ka-negeri2 di-kawasan Malaysia, Brunei, Thailand dan Philipina.

Tujuan lawatan Inche Paul ka-Negeri Brunei ia-lah untuk mengadakan perbincangan dengan Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei berkenaan dengan perkara2 yang bersangkutan paut dengan rancangan kerjasama bahagian teknikal Pertubohan Bangsa2 Bersatu.

☆

SERIA. — Inche V.V. Nevrekar sa-orang Pegawai Akhbar yang berkhidmat di-Pejabat Pesuruhjaya India di-Kuala Lumpur telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini.

"CHINCHIN BELAH ROTAN"



Ini-lah satu pemandangan lakonan "Chinchin Belah Rotan" yang telah di-persembahkan oleh penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-temasha Malam Seni Budaya yang telah di-adakan di-dewan Maktab S.O.A.S. dalam bulan Disember



Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei Inche Shabbuddin bin Saleh telah merasmikan pembukaan Pasokan Sekolah Melayu Kati Mahar baharu2 ini. Gambar ini di-ambil di-majlis tersebut.



Enam orang Pengakap2 Kanan dari Seria telah mengembara ka-Bangkok, Thailand dengan menaiki basikal baharu2 ini. Lima daripada enam orang Pengakap2 tersebut kelihatan dalam gambar ini tidak beberapa lama sa-belum mereka pergi ka-Bangkok.



Persiapan Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja yang gemilang

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Foto : Jabatan Penerangan, Ak. Jefferi Pg. Durahman

DALAM beberapa hari saja lagi negara akan menyaksikan Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja. Istiadat ini merupakan hari yang ditunggu-tunggu oleh seluruh rakyat di negara ini bahkan juga di seluruh dunia. Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam.

Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja Brunei ini akan berlangsung selama 10 hari dengan dimulainya Majlis Istiadat Bersuruh Diraja pada Ahad lalu di Istana Nurul Iman. Istiadat Perkahwinan Diraja ini sudah tular di media sosial dalam dan luar negeri mengenai majlis istiadat ini yang bermula pada 7 Januari hingga 16 Januari 2024 dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang telah sempurna berlangsung pada 7 Januari. Ini kemudian diikuti dengan Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga pada 8 Januari dan seterusnya Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja serta Majlis Istiadat Menerima Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja yang telah diadakan pada 9 Januari.

Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja akan dilangsungkan pada malam ini, 10

Januari yang akan menyaksikan keindahan serta keunikan Adat Istiadat Brunei. Seperti kelaziman, pakaian khas Brunei yang akan dikenakan oleh Mempelai Diraja tidak dinafikan sangat menarik dan memukau. Ditambah lagi dengan adat 'menculiki' badak daripada tujuh warna yang setentunya akan menjadikan Majlis Berbedak tersebut begitu unik dan eksklusif.

Majlis Istiadat Akad Nikah Diraja akan berlangsung pada esok, Khamis, 11 Januari di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan. Setentunya dengan Istiadat Akad Nikah ini maka akan terpaternya ikatan suci dua Mempelai Diraja. Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja dan seterusnya Pengantin Diraja diarak sekeliling Bandar Seri Begawan akan diadakan pada Ahad, 14 Januari, Majlis Persantapan Diraja akan diadakan pada 15 Januari, manakala Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga akan diadakan pada 16 Januari.

Sebagai seorang putera raja yang dikenali ramai, Duli Yang Teramat Mulia sering mengiringi paduka ayahanda keluar negara dalam acara-acara rasmi. Justeru, dengan pemakluman mengenai Perkahwinan Diraja ini, negara telah melakukan pelbagai persiapan bagi Majlis Perkahwinan Diraja ini yang setentunya akan menjadi fokus negara luar ketika ini.

Apa yang lebih menarik perhatian,

orang ramai baik di dalam atau luar negeri berpeluang untuk melihat ketinggian adat dan budaya yang masih dipraktikkan di negara ini terutama sekali ketika Majlis Istiadat perkahwinan Diraja dilangsungkan. Adat dan budaya yang sangat tinggi nilainya serta begitu unik adalah warisan khazanah negara sejak dari dahulu lagi. Justeru, majlis-majlis Istiadat Perkahwinan Diraja yang akan diadakan ini secara tidak langsung memperlihatkan kepada dunia bahawa negara ini masih mengekalkan tradisi warisan yang begitu indah sudah bertapak lama di negara ini.

Apa yang lebih signifikan lagi hubungan Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar jelas terjalin kukuh apabila pemimpin-pemimpin serta ketua-ketua negara luar diundang ke Majlis Istiadat Perkahwinan ini. Kehadiran para jempunan khas ini memeriahkan lagi suasana Istiadat Perkahwinan Diraja ini.

Latihan-latihan telah giat dilaksanakan supaya setiap majlis berjalan dengan lancar dan sempurna. Kemeriahan sudah jelas kelihatan apabila pintu-pintu gerbang perkahwinan sudah didirikan yang memaparkan wajah kedua-dua Mempelai Diraja di kawasan-kawasan di mana Perarakan Pengantin Diraja akan melintas lalu dan sekali gus memeriahkan suasana di sekitar Bandar Seri Begawan. Pintu-pintu gerbang berkenaan setentunya akan lebih menyemarakkan dan menceriakan lagi suasana istiadat yang penuh bermakna ini yang bakal menjadi ristaan generasi akan

datang.

Majlis penuh sejarah itu turut disiarkan secara langsung di Radio Televisyen Brunei (RTB) melalui platform digital dan elektronik. Selain itu, Istiadat Perkahwinan Diraja ini mendapat liputan meluas daripada pengamal media baik di dalam mahupun dari luar negara. Justeru bagi memudahkan serta mengawal pergerakan media, sebuah Pusat Koordinasi Media telah ditubuhkan di Jabatan Penerangan. Di sini, para pengamal media akan berkumpul sebelum bergerak ke tempat di mana majlis diadakan dan mereka ini diberikan *pooling* masing-masing. Mereka akan diberikan penerangan terlebih dahulu sebelum memulakan tugas agar semua berjalan lancar.

Bagi memastikan keselamatan bersama, setiap orang perlu membuat ART dan *sticker* dari MOH akan diberikan yang menandakan mereka negatif COVID-19. Pusat Koordinasi Media juga ada membuat satu *media handbook* yang mengandungi maklumat-maklumat yang diperlukan oleh para media.

Kesimpulan

Istiadat Perkahwinan Diraja yang akan berlangsung ini akan dapat memperkenalkan ketinggian budaya dan warisan yang sangat berharga dalam sesebuah Majlis Perkahwinan Diraja. Seluruh rakyat dialu-alukan untuk menyaksikan Perarakan Diraja yang akan diadakan selepas Majlis Istiadat Bersanding.



JIPK JALANKAN 338 OPERASI PENGUAT KUASA SEPANJANG 2023

Siaran Akhbar dan Foto :

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) sukacita mengongsikan, sebanyak 338 operasi penguat kuasa undang-undang yang dikenali sebagai Operasi Sakat telah pun dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK sepanjang tahun 2023.

Operasi penguat kuasa undang-undang akan terus dijalankan oleh JIPK sebagai usaha berterusan dalam membendung isu-isu berkaitan imigresen.

Dikongsikan kepada orang ramai bahawa pada awal tahun ini, JIPK telah pun melaksanakan empat

operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 yang menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam.

Operasi Kabat 01/2024 dan Operasi Kabat 04/2024 telah pun dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait.

Manakala itu, Operasi Kabat 02/2024 dan Operasi Kabat 03/2024 pula dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan.

Operasi Kabat 01/2024 menyasarkan tapak projek pembinaan pagar dan penyelenggaraan pendingin hawa

di Mukim Kuala Belait.

Dalam operasi berkenaan, pemeriksaan dibuat ke atas enam warganegara asing. Seramai lima orang daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut. Tiga orang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Manakala seorang lagi dipercayai melakukan dua kesalahan iaitu, Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam passport dan Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu mengambil bekerja pesalah Imigresen tanpa pengetahuan majikan asal.

Sementara seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu mengambil bekerja pesalah Imigresen tanpa pengetahuan majikan asal.

Operasi Kabat 02/2024 pula menyasarkan rumah sewa di Mukim Pengkalan Batu. Pemeriksaan dijalankan ke atas seorang warganegara asing yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Individu berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa setelah Pas Imigresen mansuh.

Manakala, Operasi Kabat 03/2024 menyasarkan premis perniagaan di Mukim Gadong.



JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan semasa menjalankan operasi yang dikenali sebagai Operasi Sakat (atas dan bawah kiri).

Pemeriksaan dijalankan ke atas seorang warganegara asing yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai menyalahgunakan Pas Lawatan Sosial.

Manakala, Operasi Kabat 04/2024 pula menyasarkan rumah sewa di Jalan Dipa Negara, Mukim Kuala Belait. Pemeriksaan dijalankan ke atas seorang warganegara asing yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Individu berkenaan dipercayai

melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa setelah Pas Imigresen mansuh dan dipercayai pekerja yang lari daripada majikan.

Ke arah meningkatkan aktiviti penguatkuasa undang-undang berkaitan warganegara asing di Negara Brunei Darussalam, JIPK ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK di talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



MINDA PEMBACA

Manfaatkan waktu cuti sekolah sebaiknya

WAKTU cuti sekolah adalah jangka masa yang penting untuk memanfaatkan masa dengan sebaik-baiknya. Pelajar perlu bijak merancang aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada perkembangan diri serta membawa keseronokan. Terdapat beberapa cara di mana pelajar dapat memaksimumkan manfaat daripada cuti sekolah.

Pertama sekali, cuti sekolah menyediakan peluang untuk mengejar minat dan bakat. Aktiviti kokurikulum seperti seni, sukan atau kelab kegiatan tertentu memberikan platform untuk mengekspresikan kreativiti dan memperkukuh kemahiran tertentu. Ini bukan hanya memberi keseronokan, tetapi juga memupuk kepercayaan

diri dan membina identiti diri. Cuti sekolah adalah waktu yang sesuai untuk memperdalamkan pengetahuan akademik. Dengan membaca buku, mengikuti kursus tambahan, atau menghadiri seminar dapat meningkatkan pemahaman dalam pelbagai bidang. Peningkatan pengetahuan ini membina landasan yang kukuh untuk pencapaian akademik pada masa hadapan.

Selain itu, aktiviti sukarela adalah cara yang baik untuk memanfaatkan cuti sekolah. Terlibat dalam projek sukarela membantu membentuk nilai tanggungjawab sosial dan kepekaan terhadap isu-isu masyarakat. Sementara membangunkan aspek akademik dan sosial, cuti sekolah juga memberi peluang untuk merawat kesihatan diri.

Pelajar boleh mengambil masa untuk bersenam, menjalani gaya hidup yang lebih sihat, dan menguruskan keperluan emosi mereka. Kelestarian kesihatan fizikal dan mental adalah aspek penting untuk memberi daya tahan dan keseimbangan dalam kehidupan. Penting untuk mencapai keseimbangan yang baik antara aktiviti yang memberi manfaat dan rehat semasa cuti. Pelajar perlu memberi perhatian kepada keperluan diri sendiri dan memberikan ruang untuk rehat dan bersantai. Ini membantu mengurangkan stres dan mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran di masa hadapan.

Kesimpulannya, cuti sekolah bukan hanya masa untuk berseronok tetapi juga merupakan peluang yang unik untuk

pertumbuhan dan pembangunan diri. Dengan menyertai aktiviti yang memberi manfaat dan menyeronokkan, pelajar dapat kembali ke persekolahan dengan semangat yang segar, peningkatan diri, dan pelbagai pengalaman yang membentuk peribadi mereka. Oleh itu, penting untuk merancang cuti sekolah dengan teliti dan memanfaatkannya sebaik-baiknya untuk meningkatkan kualiti kehidupan pelajar.

Nama : Ahmad Izzuddin bin Azis
No. K/P: 01-099XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Meningkatkan Kecemerlangan Dalam Pendidikan'. Tarikh Tutup : 10 Januari 2024
2. 'Azam Tahun Baharu, perlu dicapai'. Tarikh Tutup : 17 Januari 2024
3. 'Kesihatan Suatu Anugerah, Syukuri Nikmat Diberikan'. Tarikh Tutup : 24 Januari 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



SEOUL, 8 Jan. - Agensi perisikan Korea Selatan pada Isnin mengeluarkan amaran perjalanan untuk rakyat negara itu yang

AGENSI PERISIKAN KOREA SELATAN KELUAR AMARAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA

melancong atau tinggal di luar negara dengan memetik potensi ancaman serangan penganas, lapor Agensi Berita Yonhap.

Perkhidmatan Perisikan Negara (NIS) mengeluarkan amaran itu,

merujuk insiden tembakan rambang di Universiti Nevada, Las Vegas dan kejadian tikam seorang pelancong di Paris yang kedua-duanya berlaku pada Disember.

Las Vegas dan Paris adalah

antara destinasi popular bagi pelancong Korea Selatan.

Dua lelaki Korea Selatan berusia dalam lingkungan 50-an dan 60-an

dibebaskan hujung bulan lepas, 17 hari selepas diculik oleh kumpulan bersenjata di Nigeria pada 12 Dis. - ©BERNAMA

60,429 diesel subsidi bernilai lebih RM1.7 juta dirampas, empat ditahan

IPOH, 8 Jan. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak mematahkan cubaan menyeleweng 60,429 liter diesel bernilai lebih RM1.7 juta dalam serbuan di Kampung Baru Lumut, Seri Manjung dekat sini semalam.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata dalam Ops Tiris 3.0 yang dijalankan 12.30 tengah hari itu, serbuan oleh sepasukan penguat kuasa di kawasan itu mendapati sebuah lori tangki sedang memindahkan cecair disyaki diesel kepada sebuah bot penunda.

"Hasil pemeriksaan lanjut dan semakan awal ke atas dokumen pembelian dan penjualan, mendapati terdapat transaksi yang mencurigakan dan disyaki

palsu kerana ditemukan transaksi yang berbeza dengan rekod yang diperoleh daripada syarikat pembekal minyak berjenama.

Pihak KPDN percaya sindiket ini cuba memalsukan rekod transaksi sumber minyak diesel yang diperoleh untuk mengaburi pihak berkuasa melalui pernyataan dan dokumen yang telah disita," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menjelang lanjut modus operandi sindiket berkenaan, Kamaluddin berkata pernyataan bahan api kegunaan industri didapati berbeza dengan diesel yang digunakan bot penunda sebagai bahan bakar dan diesel itu disyaki diperoleh daripada sumber bersubsidi yang dicampur dengan minyak komersial serta dikumpul daripada pelbagai sumber

seperti stesen minyak, minyak nelayan dan lain-lain.

Justeru, melalui arahan pengisytiharan stok dan mengemukakan dokumen di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 sebanyak anggaran 60,429 liter cecair yang disyaki diesel berada di dalam lori tangki dan bot penunda terlibat telah disita, rampasan keseluruhan dianggarkan bernilai RM1,761,287.

Katanya empat orang lelaki yang mengaku sebagai pemandu lori, kelendang lori, penyelia bot penunda dan ejen syarikat yang berada di tempat kejadian telah ditahan untuk siasatan lanjut dan kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974. - ©BERNAMA

PRU Bangladesh : Parti Liga Awami raih majoriti kerusi parlimen

DHAKA, 8 Jan. - Parti pemerintah Bangladesh Liga Awami (AL) dipimpin Perdana Menteri, Sheikh Hasina memperoleh lebih 70 peratus kerusi parlimen dalam Pilihan Raya Umum (PRU) negara itu.

Perkara itu diumumkan oleh pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada Ahad malam, lapor Xinhua.

Bangladesh mengadakan PRU pada Ahad untuk memilih 299 Ahli Parlimen. Bagaimanapun, pengundian di satu kawasan pilihan raya telah ditangguhkan kerana kematian calon.

Lebih 260 calon parti AL menyertai pilihan raya kebangsaan. Pengundian bermula pada 8.00 pagi waktu tempatan dan berakhir pada 4.00 petang waktu tempatan di lebih 42,000 pusat mengundi di seluruh negara.

Pemerhati asing untuk pilihan raya juga memantau pusat mengundi berbeza sejak pagi Ahad. Selepas melawat pusat mengundi, beberapa pemerhati menyifatkan pilihan raya itu sebagai bebas, adil, aman, berjaya dan sah.

Di Bangladesh, sebuah parti boleh membentuk kerajaan jika berjaya memperoleh sebanyak

151 kerusi parlimen secara keseluruhan.

Parti AL menerajui pentadbiran Bangladesh selepas mencatatkan kemenangan besar dalam pilihan raya pada 2009 dan memenangi penggal kedua pada 2014 selain mempertahankan penggal ketiga pada 2018.

Terdapat hampir 120 juta pengundi berdaftar di negara Asia Selatan itu.

Bagi memudahkan proses pengundian, cuti umum diisytiharkan di seluruh negara pada Ahad. - ©BERNAMA

Nasib 600 pesakit dan petugas Hospital Al-Aqsa tidak diketahui - WHO

MOSCOW, 8 Jan. - Tiada sebarang maklumat mengenai nasib lebih 600 pesakit dan kakitangan perubatan Hospital Al-Aqsa Martyrs di Semenanjung Gaza sejak diarahkan berpindah, kata Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Tedros Adhanom Ghebreyesus, lapor Sputnik.

Menurut pengarah hospital itu, pesakit dan pekerja kesihatan itu terpaksa dipindahkan berikutan pertempuran yang berterusan dan perintah berpindah oleh rejim Israel namun lokasi mereka masih tidak dapat dipastikan.

Tedros berkata disebabkan keadaan yang berbahaya dan tidak mendapat kebenaran yang sepatutnya, agensi kesihatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu terpaksa membatalkan satu lagi misi di utara Semenanjung Gaza menyebabkan tiada kemudahan perubatan berfungsi sepenuhnya di utara wilayah itu.

Sementara itu, pejabat WHO di wilayah Palestin yang diduduki berkata buat kali keempat sejak 26 Dis lepas, pihaknya terpaksa membatalkan misi yang dirancang di utara Gaza selepas gagal menerima jaminan keselamatan.

"Misi itu merancang untuk memindahkan bekalan perubatan yang sangat diperlukan untuk mengekalkan operasi lima hospital di utara, termasuk Al-Awda," tulis WHO di X. - ©BERNAMA

Landasan Lapangan Terbang Haneda dibuka semula selepas nahas pesawat

TOKYO, 8 Jan. - Sebuah landasan di Lapangan Terbang Haneda Tokyo dibuka semula pada Isnin, selepas insiden perlanggaran antara pesawat penumpang Japan Airlines (JAL) dan pesawat Pengawal Pantai Jepun memaksa penutupan landasan itu, lapor Xinhua.

Landasan C, satu daripada empat landasan di lapangan terbang paling sibuk di negara itu dibuka semula selepas serpihan bangkai pesawat JAL dibersihkan manakala kerja pembaikan selesai.

Penutupan Landasan C susulan nahas itu menyebabkan pembatalan lebih 1,200 penerbangan, menjejaskan lebih 200,000 penumpang semasa cuti Tahun Baharu yang sibuk, lapor Kyodo News.

Pesawat JAL berlanggar dengan pesawat Pengawal Pantai di Landasan C semasa mendarat pada 2 Januari dengan kedua-dua pesawat terbakar.

Kesemua 379 penumpang dan anak kapal di dalam penerbangan JAL berjaya diselamatkan tetapi lima daripada enam kru Pengawal Pantai terbunuh manakala juruterbang yang terselamat cedera parah. - ©BERNAMA

Seoul pertimbang naikan tambang kereta api bawah tanah bermula Julai

SEOUL, 8 Jan. - Kerajaan bandar raya Seoul sedang mempertimbangkan untuk menaikkan kadar tambang kereta api bawah tanah sebanyak 150 won (RM0.53) bermula Julai.

Kenaikan itu sejajar dengan pelancaran rasmi pas transit bulanan, termasuk 'Kad Iklim' susulan program perintis yang dilaksanakan dari 27 Januari hingga 30 Jun, kata pegawai metropolitan Seoul pada Isnin.

Buat masa ini pengguna dikenakan kadar tambang sebanyak 1,400 won (RM4.95), lapor Agensi Berita Yonhap.

Pada awalnya bandar itu merancang untuk menaikkan kadar tambang sebanyak 300 won pada Ogos tahun lalu tetapi hanya menaikannya sebanyak 150 won pada Oktober bagi mengelak kenaikan kos sara hidup yang membebaskan rakyat.

Perbincangan sedang diadakan dengan kerajaan wilayah Gyeonggi dan Incheon untuk menentukan tarikh bagi menguatkuasakan kenaikan tambang itu. - ©BERNAMA

Pusat perlindungan penduduk di Gaza terlalu padat - UNRWA

ISTANBUL, 8 Jan. - Agensi pelarian Palestin PBB pada Ahad berkata pusat perlindungan di Semenanjung Gaza kini 'terlalu padat'. Pengarah komunikasi Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin (UNRWA), Juliette Touma berkata pihaknya tidak lagi mampu menerima kemasukan penduduk yang hilang tempat tinggal ke pusat perlindungannya, lapor Agensi Anadolu.

"Gaza tidak mempunyai infrastruktur awam untuk

menyokong kemasukan besar orang awam yang kehilangan tempat tinggal, ramai penduduk kini tidur di jalanan," katanya kepada ABC News.

Menurut pihak berkuasa kesihatan Gaza sekurang-kurangnya 22,835 rakyat Palestin terbunuh manakala 58,416 lagi cedera sejak Israel melancarkan serangan udara dan darat ke atas Gaza sejak 7 Oktober lepas.

Serangan Israel telah menyebabkan Gaza hancur dengan 60 peratus infrastruktur wilayah itu rosak

atau musnah dan hampir dua juta penduduk hilang tempat tinggal di tengah-tengah kekurangan makanan, air bersih dan ubat-ubatan.

Ramai pakar undang-undang antarabangsa menyifatkan tindakan Israel di Gaza sebagai jenayah perang atau pembunuhan beramai-ramai.

Negara-negara seperti Turkiye dan Afrika Selatan sedang berusaha untuk memfailkan tindakan undang-undang terhadap Israel di mahkamah antarabangsa. - ©BERNAMA

TIGA NEGARA ASEAN ALAMI 29 BENCANA SEPANJANG MINGGU LALU - PUSAT AHA



JAKARTA, 9 Jan. - Indonesia, Malaysia dan Filipina mengalami 29 bencana, termasuk banjir, tanah runtuh, kejadian berkaitan angin dan aktiviti gunung berapi sepanjang minggu pertama tahun 2024, menurut Pusat Penyelarasan ASEAN untuk Bantuan Kemanusiaan mengenai Pengurusan Bencana (Pusat AHA). Badan Pengurusan Bencana Indonesia (BNPB) melaporkan kejadian banjir, tanah runtuh dan

bencana berkaitan angin berlaku di 12 wilayah, termasuk Jakarta, Jambi, Jawa Timur, Riau dan Sulawesi Barat. Banjir dilaporkan di Riau sejak 1 Januari menyebabkan lebih 6,000 keluarga dengan lebih 600 orang di Siak, Pelalawan, Pekanbaru, Dumai dan Indragiri Hulu dilaporkan terjejas. Bencana itu turut menyebabkan ribuan kediaman, enam jambatan, 20 buah sekolah, empat kemudahan

kesihatan dan beberapa bangunan kerajaan serta kemudahan awam dan tempat ibadah mengalami kerosakan. Di Jambi, BNPB melaporkan banjir dan tanah runtuh di Kabupaten Tebo menjejaskan lebih 8,000 keluarga selain 820 hektar kawasan pertanian musnah. Aktiviti gunung berapi turut dilaporkan berlaku di Gunung Semeru dan Lewotobi Laki-laki di Indonesia dan Gunung Mayon,

Taal, Kanlaon dan Bulusan di Filipina. Di Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melaporkan kejadian banjir di Johor dan Pahang. Menurut Pusat AHA pihak berkuasa telah mengambil tindakan,

termasuk berkoordinat dengan agensi berkaitan, mengumpul data, operasi pemindahan dan menyediakan logistik yang diperlukan oleh masyarakat yang terjejas. - ©BERNAMA

Thailand : Tiada agenda tersembunyi tiga MP 'party list' letak jawatan - PM Srettha

BANGKOK, 9 Jan. - Perdana Menteri Thailand, Srettha Thavisin menafikan terdapat sebarang agenda tersembunyi susulan peletakan jawatan tiga Ahli Parlimen (MP) 'party list' tetapi masih kekal sebagai menteri Kabinet. Beliau berkata peletakan jawatan - Timbalan Perdana Menteri, Somsak Thepsutin,

Menteri Pengangkutan, Suriya Juangroongruangkit dan Menteri Ekonomi Digital dan Masyarakat, Prasert Chantararuangthong - tidak akan memberi kesan kepada kerajaan. "Sebaliknya, peletakan jawatan itu akan membolehkan mereka memberi tumpuan sepenuhnya kepada tugas mereka dalam Kabinet," katanya dalam satu

kenyataan. Pada Ahad, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan, Phumtham Wechayachai berkata kekosongan itu akan diisi oleh calon lain. Phumtham berkata tiada rancangan untuk meminta menteri yang lain melepaskan kerusi mereka dalam 'party list'. - ©BERNAMA

Indonesia : Tanah runtuh di Jawa Barat ragut 2 nyawa

JAKARTA, 9 Jan. - Sekurang-kurangnya dua orang maut dalam kejadian tanah runtuh di daerah Subang di wilayah Jawa Barat berikutan hujan lebat pada Ahad, lapor Xinhua. Dalam satu kenyataan pada Selasa, Badan Nasional Pengurusan Bencana Indonesia (BNPB) berkata seramai 80 penduduk kampung turut

dipindahkan. BNPB berkata seramai 11 orang yang cedera dalam kejadian itu telah dibenarkan pulang ke rumah selepas menerima rawatan di hospital. Tanah runtuh itu merosakkan beberapa bangunan, kolam memancing ikan dan sawah padi. Pasukan penyelamat bersama telah membina pusat gerakan operasi untuk mengurangkan

kesan bencana selain menyediakan makanan dan bekalan lain untuk mangsa yang dipindahkan. Badan Meteorologi Klimatologi dan Geofisika (BMKG) Indonesia mengumumkan hujan lebat diramal di Subang pada Selasa. BNPB menyeru orang ramai supaya sentiasa berwaspada terhadap sebarang kemungkinan. - ©BERNAMA

Hakim dalam kes Trump jadi sasaran panggilan palsu

WASHINGTON, 9 Jan. - Hakim Tanya Chutkan yang terlibat dalam percakapan kes campur tangan pilihan raya terhadap bekas presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump menjadi mangsa panggilan palsu, lapor Sputnik memetik laporan NBC News pada Isnin.

Menurut laporan itu, polis dan jentera bomba bertindak balas terhadap laporan palsu berhubung insiden tembakan di kediaman Chutkan pada Ahad malam. Hakim itu disahkan berada di rumah ketika pihak berkuasa tiba di kediamannya. Sejurus tiba di kediaman

itu, Chutkan disahkan tidak mengalami kecederaan dan rumah itu kosong. Selain itu, polis merumuskan bahawa tiada tembakan berlaku manakala pihak yang membuat panggilan kecemasan berkenaan masih tidak diketahui. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 11 cedera, 1 hilang dalam letupan sebuah hotel di Texas

WASHINGTON, 9 Jan. - Sekurang-kurangnya 11 orang cedera manakala seorang lagi

hilang dalam letupan sebuah hotel di pusat bandar Fort Worth, Texas, Amerika Syarikat (AS)

pada Isnin, kata pihak berkuasa, lapor United Press International (UPI).

Jabatan Bomba Fort Worth dalam hantaran di media sosial berkata daripada mereka yang cedera, seorang dilaporkan kritikal manakala dua lagi dalam keadaan serius berikutan letupan kira-kira 3.30 petang itu. Jabatan itu berkata letupan di

Hotel Sandman Signature Fort Worth Downtown itu dipercayai berpunca daripada kebocoran gas namun tidak menolak kemungkinan faktor lain. Polis berkata mereka telah menutup radius dua blok di sekitar hotel kepada lalu lintas. - ©BERNAMA

Pelepasan anak penyu di Labuan meningkat tahun lepas

LABUAN, 9 Jan. - Kadar pelepasan anak penyu di Labuan meningkat tahun lepas yang merekodkan 1,883 ekor dilepaskan ke laut, berbanding 1,653 ekor pada 2022.

Pengarah Jabatan Perikanan Labuan, Faizal Ibrahim Suhaili berkata pelepasan anak penyu itu melibatkan spesies karah di beberapa lokasi termasuk Pulau Rusukan Besar, Pulau Rusukan Kecil, Pulau Kuraman dan pantai Sungai Labu.

"Kami melepaskan anak penyu ini ke laut dari Pusat Konservasi Pemuliharaan Penyu di Pulau Rusukan Besar secara berperingkat bermula awal tahun lepas hingga penghujung 2023," katanya kepada Bernama hari ini.

Faizal Ibrahim berkata peningkatan pelepasan anak penyu itu menunjukkan trend positif dalam inisiatif pemuliharaan, sekali gus menyumbang kepada perlindungan penyu karah di Labuan.

Mengenai pendaratan penyu bertelur pula, beliau berkata sebanyak 18 pendaratan direkodkan tahun lepas, menurun sedikit berbanding 2022 yang mencatatkan 20 pendaratan.

"Antara lokasi pendaratan yang dikenal pasti ialah Pulau Rusukan Besar, Pulau Rusukan Kecil dan Pulau Kuraman. Kawasan berkenaan secara konsisten diiktiraf sebagai lokasi utama usaha pemuliharaan bertujuan melindungi populasi penyu karah.

"Jabatan Perikanan Labuan kekal komited dalam usaha berterusan untuk menjaga dan memelihara biodiversiti marin di pulau ini," katanya. - ©BERNAMA

Kereta api bawah tanah tanpa tempat duduk mula beroperasi di Seoul pada Rabu

SEOUL, 9 Jan. - Kereta api bawah tanah tanpa tempat duduk akan mula beroperasi di Seoul minggu ini, kata pengendali kereta api bawah tanah bandar raya itu pada Selasa. Langkah itu sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan kesesakan semasa waktu puncak.

Seoul Metro berkata bermula Rabu, sebuah gerabak pada kereta api bawah tanah Line 4 akan beroperasi tanpa tempat duduk semasa waktu puncak pada pagi dan petang, lapor Agensi Berita Yonhap.

Pengendali itu berkata gerabak No. 3 pada kereta api Line 4 akan ditetapkan sebagai koc tanpa tempat duduk dengan mengambil kira tahap kesesakan dan faktor-faktor lain. Sokongan tambahan dan pemegang dipasang pada gerabak tanpa tempat duduk untuk mengelakkan insiden penumpang jatuh.

Menurut Seoul Metro, pada suku ketiga tahun lepas, tahap kesesakan dalam kereta bawah tanah Line 4 mencapai 193.4 peratus.

Pengendali kereta api bawah tanah bandar raya Seoul itu juga akan mempertimbangkan untuk memperluas koc tanpa tempat duduk ke laluan-laluan kereta api bawah tanah lain. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



MENGIKTIRAF USAHA, KERJA KERAS PEMAIN ALMEREZ FC



PENGERUSI HiTune Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang bergambar ramai bersama pemain Almerz FC.

Berita dan Foto : Ihsan Almerz FC

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Januari. - Sebagai mengiktiraf usaha dan kerja keras pemain khususnya semasa Liga Futsal Brunei, Almerz FC telah mengadakan Majlis Anugerah dan Malam Gala yang diadakan di London Hall, Airport Mall di Berakas, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis

tersebut ialah Pengerusi HiTune Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang. Turut hadir, Ahli Jawatankuasa Eksekutif, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Pengiran Haji Kamarunsalehin bin Pengiran Haji Kamis.

"Dengan rasa bangga dan gembira kami berkumpul dan menghormati perpaduan serta dedikasi yang ditunjukkan oleh pasukan sepanjang perjalanan yang luar

biasa ini," ujar Presiden Almerz FC, Muhammad Afiq Afandi bin Roslee Jalanee dalam ucapannya.

"Kerja keras, keazaman dan semangat yang dipamerkan oleh pemain untuk sukan ini sangat dipuji. Setiap daripada mereka telah memainkan peranan penting dalam kejayaan pasukan kami. Daripada keringat dan usaha yang mereka lakukan dalam sesi latihan hingga detik-detik kecemerlangan

yang ditunjukkan di atas padang, terbukti bahawa komitmen mereka tidak berbelah bahagi," tambahnya.

Pada majlis tersebut, seramai 13 individu turut disampaikan anugerah khas sebagai pengiktirafan atas persembahan cemerlang dan luar biasa mereka semasa musim liga tersebut. Pemenang hadiah utama diberikan kepada Awang Mohd. Nurfaisal bin Muhammad Kamarun memenangi Anugerah AMZ Ballon d'Or 2023.

Awang Mohd. Nas'yullah Wafiy bin Haji Hassan telah menerima Anugerah Pencapaian Khas 2023 manakala Penjaring Gol Terbanyak kelab, Awangku Mohd. Amirul Haziq bin Pengiran Kamsulzaman memenangi Gong Kasut Emas AMZ. Anugerah AMZ Puskas 2023 pula menjadi milik Awang Mohd. Wazien, Awang Syazwan bin Haji Hassan dan Awang Mohd. Radhi Raduan semasa perlawanan menentang Street United.

Awang Abdul Malik Sofri juara Beyblade X

Siaran Akhbar dan Foto : DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Januari. - Awang Abdul Malik Sofri bin Mohd. Arffin daripada Jakuha Bladers (JB) muncul juara Dran Sword Attack setelah berjaya menewaskan Awang Julkarnain bin Haji Husin daripada Santai Aja Bladers (SAB) pada perlawanan akhir Beyblade X anjuran Underground Tournament yang diadakan di Jalan Binglu Utara, Kampung Meragang.

Sementara itu, di tempat ketiga disandang oleh Dayangku Siti Nor Atikah binti Pengiran Rahimi dan di tangga keempat disandang oleh Mimi Nazuwan bin Haji Ibrahim masing-masing daripada JB.

Manakala, pemenang hadiah lapan teratas disandang oleh SAB Julkarnain, JB Haris, Ghostbeys (GB) Haji Rosaimi dan JB Dk. Siti Nor Atikah.

Dalam perebutan 'Liga Beyblade Brunei Darussalam Bagi Tahun 2023/2024', JB melebarkan jurang setelah berjaya memperoleh 111 mata diikuti GB memperoleh 72 mata, Underground Beys dengan 68 mata, SAB mengutip 61 mata dan Beyblade Madness dengan 7 mata.



PARA peserta bergambar ramai pada perlawanan akhir Beyblade X anjuran Underground Tournament yang diadakan di Jalan Binglu Utara, Kampung Meragang.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DIDIK DIRI DAN KELUARGA KITA MENCINTAI MASJID